



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN**

**PGT203**

**KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU**

**SEMESTER 1**

**SIDANG AKADEMIK 2018/2019**

**TAJUK :**

**LAPORAN PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA  
BAHARU**

**KUMPULAN : 6**

**BILANGAN AHLI : 18 ORANG**

**AHLI JAWATAN KUASA : PROTOKOL DAN JEMPUTAN**

**(NUR ATIKAH BINTI ABDUL RAHMAN)**

**NAMA PENSYARAH : DR. BAHARUDDIN BIN ABDUL RAHMAN**

**DR MUHAMMAD ZUHAIR BIN ZAINAL**

SENARAI NAMA AHLI KUMPULAN

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>NO. MATRIK</b>
1.	AINUR SYAHIRA BINTI M ABD RAZAK	136334
2.	CELINE BINTI RAYA	136346
3.	FARAH FARAHIM BINTI ABU HANIFAH	136354
4.	FATINI BINTI MOHD ZAMZURI	139641
5.	FRANKLIN SERIT ANAK DUART	127652
6.	IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361
7.	MOHD SYUKURI BIN KASDI	136379
8.	NIK NUR HIDAYAH BINTI DORAMAN	136410
9.	NIK SITI NURHIDAYAH BINTI NIK MOHAMAD NOOR	136412
10.	NOR KARTIKAH BINTI ILYAS	136422
11.	NUR ATIKAH BINTI ABDUL RAHMAN	132289
12.	NUR ATIQAH AMEERA BINTI ABDUL RAZALI	132290
13.	RAJA MOHAMMAD HAKIMI BIN RAJA KAMARULZAMAN	136491
14.	RAJA NUR FAZLIN BINTI RAJA IBRAHIM	136492
15.	ROSNORI WAYENG	127326
16.	SANDY WONG BIK WEN	136495
17.	SASLEEN BINTI SHAHUL HAMEED	144425
18.	SITI ROHAYU BINTI KAMALUDIN	136499

## 1.0 PENDAHULUAN

Kursus PGT203, Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal untuk Guru mempunyai dua projek, iaitu program Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan (Masdaya) dan pementasan teater yang wajib dilaksanakan oleh mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil kursus ini. Kursus ini adalah di bawah penyelarasan Dr. Muhammad Zuhair bin Zainal dan Dr. Md. Baharuddin bin Abdul Rahman. Dalam kursus ini, kesemua mahasiswa dan mahasiswi dikehendaki membuat sebuah pementasan teater bertemakan 'Malaysia Baharu' yang dapat memberi impak pengajaran kepada penonton. Pementasan teater ini dilaksanakan dengan tujuan dapat meningkatkan kualiti para mahasiswa dan mahasiswi yang bakal menjadi guru dan dapat menguasai kemahiran asas seperti berkomunikasi, perhubungan interpersonal, kepimpinan dan pembinaan personaliti secara individu dan kumpulan. Pementasan teater ini telah melibatkan seramai 177 orang dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang berdaftar di bawah kursus PGT 203 pada semester pertama sidang akademik 2018/2019 ini. Pementasan teater ini berlangsung pada 9 Disember 2018 bersamaan hari Ahad yang bertempat di Dewan Kuliah U, Universiti Sains Malaysia. Mahasiswa dan mahasiswi dibahagikan kepada sepuluh buah kumpulan untuk membuat persembahan mengikut idea kumpulan masing-masing.

Kumpulan kami, iaitu kumpulan 6 terdiri daripada 18 orang ahli. Keunikan kumpulan kami adalah terdiri daripada pelbagai kaum iaitu kaum Melayu, Cina, bumiputera Sabah dan Sarawak dan lain-lain. Salah seorang ahli kumpulan kami merupakan pelajar antarabangsa yang berasal dari Thailand yang mengambil kursus ini daripada Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. teater yang dipersembahkan oleh kumpulan kami berjudul 'Metamoforsis' yang diarahkan oleh Nur Atiqah Amira binti Abdul Razali seterusnya menjadi penulis skrip bagi teater ini. teater 'Metamoforsis' ini mengisahkan kehidupan seorang gelandangan yang dipandang rendah oleh masyarakat. Mesej yang ingin disampaikan melalui teater ini adalah untuk mengubah pemikiran masyarakat daripada dipenuhi oleh sifat perjudis, judgemental dan stigma kepada pemikiran yang lebih kritis, rasional dan penuh dengan toleransi. teater yang kami persembahkan ini bersesuaian dengan tema yang diberikan, iaitu 'Malaysia Baharu'. Pemilihan pelakon juga dilakukan berdasarkan kesesuaian dengan perwatakan ahli kumpulan dan latihan secara berterusan dilakukan untuk memastikan

pementasan teater pada hari kejadian berjalan dengan lancar. Kerjasama yang diberikan oleh semua ahli kumpulan telah banyak membantu kejayaan pementasan teater kumpulan kami ini.

## **2.0 SINOPSIS TEATER**

Maya merupakan seorang gelandangan. Pada siang hari dia bekerja sebagai tukang cuci sambilan di sebuah restoran dengan gaji RM 25. Pada malam hari, dia akan tidur di tempat-tempat yang dirasakan selamat. Maya yang memegang status gelandangan itu menyebabkan dia dikelilingi dengan pelbagai stereotaip, stigma, sifat prejudis dan judgemental daripada Dato' Sri Lizzy, Puan Rubiah dan Ustaz Rizqi. Klimaks menunjukkan Maya menceritakan satu persatu faktor yang menyebabkan dia terpaksa menjadi gelandangan bagi memecahkan stigma sempit yang menghentam dirinya tanpa dikaji pucuk pangkalnya. Akhirnya, berlaku perubahan dengan kewujudan masyarakat yang berfikiran kritis terhadap krisis yang dilalui oleh Maya. Maka, perubahan pemikiran masyarakat daripada penuh dengan sifat prejudis, judgemental dan stigma kepada pemikiran yang lebih kritis, rasional dan penuh dengan toleransi inilah yang dikatakan sebagai Malaysia Baharu yang sebenar.

### 3.0 SKRIP TEATER

#### TEMA

Malaysia Baharu

#### TAJUK

Metamorfosis

#### PENULIS SKRIP

Nur Atiqah Ameera Binti Abd Razali

#### PELAKON

Maya: *Seorang gelandangan*

Dato Sri Lizzy: *Seorang jutawan*

Puan Rubiah: *Ibu kepada Aimi*

Ustaz Rizqi: *Seorang ustaz*

Aimi: *Anak kepada Puan Rubiah*

Pemilik Restoran

Suami Maya

Anak Maya 1

Anak Maya 2

Wanita

#### SITUASI 1

*Bergema lagu Malique ft. Rabbani- Perang Dah Tamat. Seorang penari menari mengikut rentak lagu dan masuk beberapa penyanyi menyanyi sambil berjalan diatas pentas.*

#### ***Lirik Lagu Malique ft. Rabbani- Perang Dah Tamat***

*Alhamdulillah*

*Kita selamat*

*Kabus dah hilang*

*Perang dah tamat*

*Nyanyikan lagu*

*Damai dalam lena*

*Jangan buka mata  
Realitinya sungguh berbeza*

*Maya duduk statik diatas kotak yang sudah sedia ada terhampar. Dato' Sri Lizzy, Puan Rubiah dan Aimi serta Ustaz Rizqi berdiri pada posisi statik.*

**MAYA:** Letihnya aku hari ini. Sudah masanya aku merehatkan diri. *(sambil menggeliat untuk meregangkan otot-ototnya)*

*Dato Sri Lizzy bergerak dari posisi statik manakala Maya memerhatikan Dato' Sri Lizzy yang berjalan-jalan di sekitarnya.*

**DATO SRI LIZZY:** Aku Dato' Sri Lizzy, jutawan dan hartawan yang menawan. Pemegang saham terbesar Syarikat Gegaran. Keluarga aku memang sudah kaya sejak tujuh keturunan *(mengeluarkan wang dari tas tangannya)* Seratus, dua ratus, tiga ratus. Eh, banyaklah. *(melemparkan duit-duit tersebut kepada Maya)* Wang inilah hasil orang yang berusaha. *(menabur duit selebihnya ke udara dan dibiarkan berselerakan)* Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Tidak faham aku dengan orang yang tak berusaha dan selesa hidup miskin. Sudah-sudahlah jadi malas, kerja tak mahu. Ada hati mahu hidup senang?

*Dato' Sri Lizzy berhenti dan kembali ke posisi statik manakala Puan Rubiah dan Aimi bergerak dari kedudukan statik.*

**PUAN RUBIAH:** *(berjalan sambil memimpin tangan anaknya)* Aimi sayang.

**AIMI:** Ya, ibu? *(Sambil menoleh kearah Puan Rubiah)*

**PUAN RUBIAH:** *(mengusap kepala Aimi)* Kamu kena rajin belajar dan belajar sampai pandai jangan jadi buta huruf. Masuk universiti keluar dapat kerja yang bagus. Mama tak mahu kamu jadi macam ini. *(menuding jarinya tepat di tempat Maya duduk)* Rumah tak ada. Pakaian tak berganti. Nak makan pun mengharapkan orang yang lain memberi. *(menoleh kearah Aimi)* Kamu faham tak, Aimi? *(sambil mengusap kepala Aimi)*

*Aimi memandang kearah Maya manakala air muka Maya berubah dan hanya tertunduk merenung lantai. Puan Rubiah dan Aimi berhenti dan kembali ke posisi statik manakala Ustaz Rizqi bergerak dari kedudukan statik.*

**USTAZ RIZQI:** Astagfirullah. *(sambil menggerakkan satu persatu butir tasbih yang berada ditangan)* Dalam surah Al-Ra'd ayat 11 yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.” Ish, ish ish. *(menggeleng-gelengkan kepalanya)* Ana Ustaz Rizqi dan juga sebagai seorang khalifah di muka bumi ini rasa bertanggungjawab untuk menegur orang-orang begini. *(menuding jarinya di sekitar kawasan itu)* Jika hanya duduk bagaimana mahu mengubah hidup? Haih, mana pula ana meletakkan porsche ana ni tadi?

-----*lampu dipadamkan*-----

*Berkumandang muzik yang mendebarkan.*

*Dato Sri Lizzy, Puan Rubiah, Aimi, Ustaz Rizqi bergerak dan berjalan mengelilingi Maya.*

*Lampu suluh dinyalakan menyuluh wajah Dato Sri Lizzy.*

**DATO SRI LIZZY:** Itulah malas bekerja, bagaimana mahu kaya?

*Lampu suluh dinyalakan menyuluh wajah Ustaz Rizqi.*

**USTAZ RIZQI:** Kena berusaha dan ubah kehidupan sendiri. Barulah berjaya.

*Lampu suluh dinyalakan menyuluh wajah Puan Rubiah.*

**PUAN RUBIAH:** Tak malukah kau mengharapkan nasi bungkus hasil pemberian orang lain tiap hari, wahai gelandangan? Ni lah bila tiada pendidikan, hidup merempat.

*Lampu suluh dinyalakan menyuluh wajah Dato Sri Lizzy.*

**DATO SRI LIZZY:** Tak mahu jadi kaya seperti saya kah?



*Lampu suluh dinyalakan menyuluh wajah Ustaz Rizqi.*

**USTAZ RIZQI:** Kenapa kau begitu malas?

*Lampu suluh dinyalakan menyuluh wajah Puan Rubiah.*

**PUAN RUBIAH:** Hidup suka menyusahkan orang saja.

*Ketiga-tiga lampu disuluhkan kearah Maya.*

**MAYA:** Diammmmm! (*menekup kedua-dua cuping telinganya dan menjerit dalam tangis*)

## SITUASI 2

*Seorang penari menari mengikut rentak lagu dan masuk beberapa penyanyi menyanyikan lagu Tak Pernah Hilang nyanyian Amylea ft Kaer Azami sambil berjalan diatas pentas.*

### **Lirik Lagu Tak Pernah Hilang – Amylea ft Kaer Azami**

*Tiada siapa yang pernah tahu*

*Tiada siapa yang pernah rasa*

*Biar mereka coba mahu*

*Coba ada denganku.*

*Maya masih duduk diatas hamparan kotak dan surat khabar dan memerhatikan keadaan sekelilingnya. Dato Sri Lizzy, Puan Rubiah, Aimi dan Ustaz Rizqi berada dalam posisi statik. Maya bangun dan berjalan mendekati Dato Sri Lizzy. Dato Sri Lizzy bergerak dari kedudukan statik dan membetulkan sanggulnya. Dia mendengar apa yang dikatakan oleh Maya secara acuh tak acuh dan menunjukkan reaksi tidak senang.*

**MAYA:** *Ya, ya. Memang aku gelandangan. (menepuk tangannya di dada berulang kali) Gelandangan yang kau pandang jijik (sambil menyentuh lengan Dato Sri Lizzy dan ditepis olehnya) kerana aku dilihat berbeza. Berbeza dari kau.*

*Masuk pemilik kedai makan membawa besen yang dipenuhi pinggan. Maya melutut dan mencuci pinggan. Dia memerhatikan Maya membuat tugasnya dan kemudian menyerahkan RM 25.*

**MAYA:** *12 jam aku bekerja. 12 jam. (Sambil mengesat airmatanya dengan hujung lengan baju) Gaji 25 ringgit yang aku terima kerana hanya pekerjaan ini yang menerima aku. Masih kau tegar, (menuding jari kearah Dato Sri Lizzy) wahai orang kaya mengatakan yang aku ini malas? Hancur hatiku!*

*Pemilik kedai makan keluar dengan membawa besen. Dato Sri Lizzy yang terpaku kembali ke posisi statik manakala Puan Rubiah dan Aimi bergerak dari kedudukan statik. Maya meluru kearah Puan Rubiah dan memandangnya dengan perasaan*

*marah yang membuak-buak namun Puan Rubiah hanya membuat muka bersahaja. Reaksi Maya berubah apabila memandang Aimi dan mendekatinya.*

**MAYA:** Anak sekecil ini, sementara ini yang masih lembut untuk dilentur kau baja dia dengan sifat prejudis, judgmental dan stigma sempit. Bukankah nilai kemanusiaan itu yang kau patut sematkan di dalam hatinya? (*memandang Puan Rubiah*) Jangan ingat aku mengemis. Aku ini pantang meminta. Aku mahu nasi bungkus dibeli dengan hasil titik peluh aku sendiri.

**MAYA:** Sayang, (*memegang lengan Aimi dan dibawa ke hadapan.*) ingat! (*tangan Aimi digenggam dan dibuka satu persatu jari kecil itu*) Hormat-menghormati, kasih-sayang, empati, tolong-menolong dan cinta walau dengan siapa jua manusia di dunia ini.

*Aimi menganggukkan kepala dan tersenyum kearah Maya. Maya membalas senyuman Aimi. Masuk suami dan dua orang anak Maya yang berpimpin tangan. Suami Maya memerhatikan kedua-dua anak perempuannya bertepuk tampar dan tertawa girang.*

**MAYA:** (*Maya menghampiri mereka*) Aku juga punya keluarga sebelum ini. (*tersenyum*) Dikurniakan seorang suami dan dua orang anak yang aku fikir mampu buat aku bahagia sampai ke syurga. (*sambil berjalan ke hadapan. Tiba-tiba masuk seorang wanita ke hadapan Maya, suami Maya juga berjalan ke hadapan Maya dan melutut lalu memberikan sekuntum bunga kepada wanita tersebut. Wanita tersebut memegang tali leher suami Maya dan menariknya keluar*) Namun bukan pintaku, suamiku meninggalkanku. (*Kedua-dua anak Maya berjalan ke hadapan Maya dan berpusing riang lalu keluar meninggalkan Maya*) Anak-anak terpaksa aku tinggalkan di pusat kebajikan. Patah hati ini siapa yang tahu?

*Puan Rubiah dan Aimi kembali ke posisi statik manakala Ustaz Rizqi bergerak dari posisi statik. Maya meluru kearah Ustaz Rizqi.*

**MAYA:** (*Sambil berjalan mengelilingi Ustaz Rizqi*) Wahai Ustaz Rizqi. Aku sedar pendidikanku tidak setinggi kau. Aku sedar.

*Ustaz Rizqi tersenyum sinis sambil membetulkan kait yang tersangkut di bahunya.*

**MAYA:** .....Namun! *(meninggikan suara)* Adakah kau fikir kau sudah terlepas dari tugasmu sebagai khalifah di muka bumi ini dengan hanya menaburkan kata-kata nasihat. Sabar ustaz sabar, *(menahan Ustaz Rizqi daripada terus berjalan)* pernah atau tidak kau menggerakkan institusi-institusi berkenaan untuk melihat nasib kami ini? *(sambil menunjukkan jari disekeliling kawasan tersebut)* Kau fikir agama ini agama untuk melepaskan kepentingan individu? Surah Al-Ra'd ayat 11 yang kau bacakan tafsirnya tadi itu, disebutkan kaum itu bukankah juga merujuk kepada masyarakat wahai Ustaz Rizqi? Berbanggalah dikau dengan kereta mewahmu merentasi pandangan kami yang terbaring hanya beralaskan kotak dan surat khabar ini. *(kembali duduk di tempatnya)*

*Ustaz Rizqi menghentikan pergerakan tasbih dijarinya dan melutut lemah dan kembali ke posisi statik.*

### SITUASI 3

*Bergema muzik sayu. Dato Sri Lizzy, Ustaz Rizqi, Puan Rubiah dan Aimi serentak bergerak dari posisi statik.*

**DATO SRI LIZZY:** Ya, sepatutnya golongan seperti aku ini punya tangan untuk dihulurkan untuk kau terus hidup. *(mendepakan kedua tangannya kehadapan)*

**USTAZ RIZQI:** Ar Rahman, Ar Rahim. Hidup tanpa pertembungan adalah bukan hidup tetapi kematian. Aku mula sedar, kewujudan engkau *(menunjukkan 1 jari telunjuk kanan)* dan aku *(menunjukkan 1 jari telunjuk kiri)* agar kita bertembung *(rapatkan jari kanan dan kiri)* dan dapat merasakan apakah itu erti kehidupan.

**PUAN RUBIAH:** Betapa teruknya aku sebagai seorang ibu tidak mampu menanamkan nilai-nilai kemanusiaan kepada anakku sendiri. *(melutut lemah disisi Maya)* Gagal aku gagal!

**AIMI:** Ibu, *(membangunkan ibunya lalu menggenggam tangannya dan membuka satu persatu jarinya)* Hormat-menghormati, kasih-sayang, empati, tolong-menolong dan cinta perlu ada dalam diri. *(meletakkan telapak tangan di dadanya)*

**DATO' SRI LIZZY:** Bodoh sombong aku mengatakan kau berat tulang sedangkan seharian kau berkerja dan pada malam hari terbaring berkatilkan lantai dan bertilamkan kotak. *(berlutut dan memegang alas pembaringan Maya)*

**USTAZ RIZQI:** Surah al-Ma'un bukan hanya untuk aku hafal. Bahkan sepatutnya lebih besar lagi amanahku. Aku perlu mengamalkannya iaitu dipraktikkan dan dikerjakan. Maya, kau telah membuka mataku. *(berjalan dan berdiri di belakang Maya)*

**PUAN RUBIAH:** Aimi *(memegang kedua-dua belah tangan Aimi)* pendidikan terbaik datangnye dari jananan dari pengalaman bercakap dan bersalaman. Lebih tinggi pendidikan kita sebenarnya lebih besar tanggungjawab kita untuk membantu mereka.

**AIMI:** Bila besar nanti, Aimi nak negara ini maju, masyarakat hidup harmoni, tolong-menolong dan prihatin sehingga tiada lagi gelandangan. *(datang memeluk Maya)*

*Puan Rubiah turut melutut dan memeluk anaknya.*

**DATO' SRI LIZZY:** Oh Tuhan! Tiada siapa dapat menafsir mimpi-mimpi kau tiap malam. Pengharapan yang kau buat tiap malam agar terealisasi keesokan harinya. *(menunduk kekesalan)*

**USTAZ RIZQI:** Ya benar. Aku tidak boleh hanya memikirkan tentang diriku sahaja. Aku perlu melepaskan kelompok ini dari kemiskinan dan perananku adalah mendekati masyarakat kerana itulah syiar Islam dan peranan Insanul Kamil yang sebenar.

*Masuk kesemua pelakon tambahan, penari dan beberapa orang penyanyi melagukan rentak lagu Cinta Pantai Merdeka. Maya bangun dan melangkah ke hadapan.*

**MAYA:** Stigma terus berkuasa selagi tak kau pecahkan. Metamorfosis Malaysia Baharu!

*Tiba-tiba masuk seorang gadis yang mengayuh sebuah basikal dan membonceng seorang gadis lain yang sedang memegang bendera Jalur Gemilang.*

**TAMAT**

#### 4.0 GAMBAR AKTIVITI

##### SEBELUM PEMENTASAN DRAMA

Kami semua mengadakan rakaman video dan penggambaran di George Town, Pulau Pinang.







SEMASA PEMENTASAN DRAMA





## SELEPAS PEMENTASAN TEATER

Alhamdulillah, kumpulan kami telah berjaya merangkul Busana Terbaik, Penulis Skrip Terbaik, Pengarah Terbaik dan Pemenang Keseluruhan.





Foto bersama dengan mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil kursus PGT203



## 5.0 CABARAN

Sepanjang persediaan dalam menjayakan pementasan teater ini, terdapat beberapa cabaran utama yang kami hadapi. Hal ini demikian kerana, untuk pementasan pada kali ini, kami terlibat sebagai peserta pementasan teater dan juga menjadi ahli jawatankuasa protokol dan jemputan dalam satu masa yang sama sebelum, semasa dan selepas pementasan teater sedang berlangsung.

Antara cabaran yang kami hadapi sebagai peserta pementasan teater ialah kami mempunyai seorang ahli kumpulan yang berasal dari Thailand iaitu seorang pelajar antarabangsa. Sebahagian daripada kami mempunyai sedikit kesukaran untuk berkomunikasi dengan pelajar tersebut memandangkan kami semua perlu bertutur dalam bahasa inggeris. Hal ini memberikan kekangan untuk kami membahagikan tugas dan memberikan penerangan kepadanya berkaitan dengan kelancaran pementasan teater ini.

Selain itu, kami juga menghadapi cabaran ketika membuat trailer sebelum pementasan teater. Hal ini kerana pada waktu tersebut cuaca tidak begitu baik kerana hujan renyai menyebabkan rakaman video sedikit terganggu. Hal ini demikian kerana kami juga perlu menjaga kamera daripada terkena hujan di samping ingin memastikan bahawa rakaman video ini dapat disiapkan dalam masa satu hari sahaja. Di samping itu, seminggu sebelum pementasan, latihan dilakukan setiap hari dan cabaran yang kami hadapi adalah dalam mencari masa yang sesuai agar semua ahli kumpulan dapat berkumpul bersama semasa sesi latihan diadakan. Latihan juga dibuat sehingga lewat malam dan ini sedikit sebanyak menjejaskan waktu rehat kerana setelah sesi latihan, kami perlu bersengkang mata untuk menyiapkan tugas-tugas lain. Waktu latihan kami juga boleh dikatakan agak singkat kerana setiap kali perjumpaan kami perlu berbincang hal-hal protokol terlebih dahulu.

Cabaran sebagai ahli jawatankuasa protokol pula adalah kami menghadapi banyak perubahan pada minit-minit terakhir bermula dari sebelum pementasan dan semasa pementasan berlangsung. Sebelum pementasan, kami terpaksa merangka beberapa kali tentatif yang baru. Hal ini disebabkan oleh perubahan tempat raptai. Hal ini menyebabkan kami terpaksa mengubah tentatif raptai sehari sebelum raptai.

Perubahan tentatif baru menyebabkan kami menghadapi cabaran untuk menetapkan masa yang tepat dengan juri disebabkan perubahan waktu. Pada malam sebelum pementasan teater, kami terpaksa membuat *tagging* pada lewat malam atas belas kasihan jabatan keselamatan kerana terdapat program yang berjalan pada masa tersebut. Semasa sesi raptai di Dewan Kuliah U, pada waktu pagi sebelum bermulanya pementasan, kami menghadapi cabaran dalam memberi ruang kepada semua kumpulan bagi membuat sesi raptai sekali lagi tetapi menggunakan masa yang singkat. Di samping itu, masalah-masalah teknikal telah menyebabkan masa tidak mengikut tentatif yang telah berlaku. Semasa sesi penyampaian hadiah, juri tidak dapat meluangkan masa sehingga akhir program atas sebab-sebab tertentu menyebabkan sesi penyampaian hadiah tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang.

Maka, berdasarkan kepada cabaran-cabaran yang telah dinyatakan sudah nyata menunjukkan bahawa kumpulan kami memikul dua tanggungjawab yang besar iaitu sebagai peserta pementasan teater dan sebagai ahli jawatan kuasa protokol.

## 6.0 KEKANGAN

Setiap ahli daripada kumpulan kami mempunyai jadual waktu yang sangat berbeza, disamping memegang komitmen yang lain. Hal ini disebabkan kumpulan kami terdiri daripada ahli yang berlainan tahun dan major dan minor, menyebabkan kami sukar mencari waktu yang sesuai dan tepat untuk berlatih teater dan juga untuk berbincang mengenai tugas kami iaitu sebagai Ahli Jawatankuasa Protokol dan Jemputan bagi pementasan teater ini. Oleh itu, kami mengatasi kekangan ini dengan mencuba sedaya upaya untuk datang ke latihan serta melakukan perbincangan pada pukul 10 malam ke atas setelah mendapat persetujuan oleh semua ahli kumpulan.

Selain itu, dari sudut tugas kami sebagai Ahli Jawatankuasa Protokol dan Jemputan, kami mempunyai kekangan dari segi tempat semasa melakukan raptai perasmian pementasan teater ini. Hal ini kerana terdapat pertindihan tarikh antara program pementasan teater ini dengan program persatuan lain. Oleh itu, kami terpaksa mencari alternatif lain iaitu dengan menukar tempat bagi mengadakan sesi raptai perasmian ke Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 4 (DKSK4). Masalah yang timbul adalah apabila kelancaran perjalanan majlis terganggu akibat keadaan dewan yang berlainan sewaktu raptai dan semasa program berlangsung. Kekangan ini diatasi dengan menetapkan penanda aras pada setiap slot dalam tentatif.

Kekangan kami yang seterusnya ialah dari segi masa yang terlalu lama bagi sesetengah persembahan kumpulan. Kami telah menetapkan serta mengingatkan pada setiap kumpulan bahawa waktu yang ditetapkan bagi setiap persembahan teater mereka adalah diperuntukkan selama 15 minit sahaja. Akan tetapi, terdapat juga beberapa kumpulan yang tidak menepati masa yang ditetapkan. Hal ini menyukarkan kami kerana masa untuk slot persembahan menjadi terlalu panjang sehingga mengganggu tentatif yang telah kami rancang. Kami atasi kekangan ini dengan menekankan dan mengingatkan semula waktu yang diperuntukkan bagi setiap persembahan.

## 7.0 KEKUATAN

Sepanjang pementasan teater ini berlangsung, pelbagai cabaran yang telah kami lalui bagi memastikan teater ini berjalan dengan lancar. Namun begitu, kami dapat mengatasinya cabaran-cabaran tersebut dengan baik. Kekuatan yang terdapat dalam ahli kumpulan sebelum dan semasa menjayakan pementasan teater ini adalah mahir dalam berkomunikasi. Hal ini kerana, kumpulan kami diberi tugas sebagai ketua Ahli Jawatankuasa Protokol dan Jemputan untuk memastikan perjalanan majlis berjalan dengan lancar. Kami telah berkomunikasi dengan pensyarah PGT203 bagi mendapat pandangan tentang perjalanan program. Kami juga telah mempraktikkan kemahiran berkomunikasi dengan pihak luar iaitu menjemput juri-juri jemputan dan pengacara majlis. Kami juga berkomunikasi dengan kumpulan lain seperti kumpulan tugas-tugas khas kerana mereka perlu mengambil alih tugas-tugas kami ketika kami melakukan persembahan teater. Hasilnya, komunikasi yang baik dengan juri-juri, pengacara majlis dan ahli kumpulan yang lain telah menjayakan program dengan lancar.

Kekuatan yang seterusnya ialah bijak merancang perjalanan program. Dalam pementasan teater ini, kami ditugaskan untuk membuat tentatif pementasan teater. Dalam tentatif berikut, kami diamanahkan oleh pensyarah supaya setiap ahli kumpulan menepati masa yang ditetapkan memandangkan kami merupakan ajk yang menguruskan masa sepanjang program. Semasa program berlangsung, kami telah berjaya mengikut tentatif yang ditetapkan. Sebagai contoh, kami menetapkan masa selama lima minit persiapan pentas dan lima belas minit untuk pementasan teater bagi setiap ahli kumpulan. Hal ini dapat dibuktikan apabila kami terpaksa mengubah tentatif saat akhir yang ditetapkan kerana memberi ruang kepada setiap ahli kumpulan untuk melakukan latihan akhir sebelum pementasan teater ini berlangsung. Kami juga bersepakat dalam merangka tentatif program agar tidak berlaku pertindihan di dalam majlis teater tersebut.

Kekuatan yang terakhir ialah kerjasama antara ahli kumpulan 6. Sepanjang program berlangsung, kerjasama antara ahli kumpulan amat penting agar majlis berjalan dengan lancar. Oleh itu, kumpulan kami telah membahagikan skop tugas kepada setiap ahli kumpulan yang terdiri daripada pelbagai tugas seperti pengiring, penjaga masa, pengira markah dan pengurus pentas. Setiap ahli kumpulan telah



menjalankan tugas dengan baik sepanjang program berlangsung dan tidak mengalami sebarang pertindihan maklumat kerana sepanjang majlis berlangsung ianya telah dikawal sepenuhnya oleh kumpulan kami yang ditugaskan sebagai Ahli Jawatan Kuasa Protokol dan Jemputan. Selain itu, setiap ahli kumpulan 6 memberikan komitmen yang sepenuhnya semasa sesi latihan teater dibuat. Sebagai contoh, sebelum pementasan teater ini berlangsung, kumpulan kami telah melakukan latihan setiap malam selama seminggu bagi memastikan persembahan teater kami diterima oleh juri-juri dan penonton. Hasilnya, teater yang kami lakonkan menimbulkan emosi kepada para penonton dan juri-juri walaupun *props* yang digunakan adalah sedikit dan ringkas berbanding kumpulan lain. Bagi kami, emosi dan penghayatan daripada pelakon lebih penting daripada *props* dan barang yang digunakan.

## 8.0 KELEMAHAN

Mana-mana program yang dilakukan atau dijalankan amat sukar untuk mencapai kelancaran majlis sama ada semasa proses sebelum, semasa dan selepas program tersebut. Berdasarkan pementasan teater yang telah dilakukan pada 9 Disember lalu, kami mendapati beberapa kelemahan yang perlu dibaiki. Antara kelemahan yang kami hadapi sepanjang persediaan pementasan teater adalah tempat latihan telah disediakan iaitu bilik tutorial yang berada di dalam kampus. Hal ini kerana kebanyakan ahli kumpulan tinggal di desasiswa yang berdekatan dengan DUP. Oleh itu kami telah menukar tempat latihan ke padang kawad dan DUP bagi memudahkan pergerakan ke tempat latihan agar dapat menjimatkan masa bagi setiap ahli kumpulan untuk pergi dan balik dari bilik tutorial yang memerlukan pengangkutan ke sana. Seterusnya, masa latihan sukar dicapai kata sepakat kerana ahli kumpulan turut mempunyai komitmen lain yang juga perlu diutamakan.

Kami juga mengalami masalah komunikasi dalam ahli kumpulan kami kerana terdapat seorang mahasiswi antarabangsa dari Thailand yang tidak dapat memahami bahasa Malaysia. Mahasiswi tersebut juga sukar memahami hasil perbincangan dan perjalanan majlis pementasan teater dan kami terpaksa menggunakan bahasa Malaysia kerana lebih mudah kepada kami memandangkan majoriti merupakan orang tempatan. Namun begitu, terdapat seorang ahli kumpulan kami yang telah menjadi penterjemah bagi memudahkan setiap perbincangan didalam kumpulan agar difahami oleh mahasiswi antarabangsa tersebut.

Kelemahan kumpulan kami selaku ajk protokol pula adalah tidak mendapat kerjasama sepenuhnya oleh kumpulan lain semasa ingin menyampaikan maklumat dan aturcara pementasan teater pada hari Sabtu iaitu semasa raptai. Terdapat segelintir ahli daripada kumpulan lain yang tidak dapat hadir menyebabkan mereka tidak mendapat maklumat yang jelas tentang kelangsungan majlis. Pada hari kejadian, segelintir ahli daripada kumpulan lain yang membuat persembahan teater tidak mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh ajk protokol sehingga menyebabkan kelewatan kelangsungan majlis. Selain itu, ajk protokol terpaksa membantu ajk multimedia untuk menyelesaikan masalah mereka. Itu adalah masalah yang perlu ajk

multimedia selesai tetapi atas sebab kerjasama maka kami dari pihak protokol menghulurkan bantuan bagi kelancaran program pada hari Ahad tersebut.

Akhir sekali, kami berharap masalah ini tidak lagi berulang kepada pelajar yang bakal mengambil kursus PGT203 bagi tugas pementasan teater ini. Diharapkan perjalanan setiap kumpulan menjadi lebih lancar disamping kami juga berharap agar kelemahan ini menjadi pengajaran kepada ahli kumpulan yang akan datang.

## 9.0 REFLEKSI INDIVIDU

**NAMA** : AINUR SYAHIRA BINTI M ABD RAZAK  
**NO MATRIK** : 136334  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

### **REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA BAHARU**

Projek teater ini merupakan penglibatan saya yang pertama dalam pementasan teater sepanjang 21 tahun saya hidup. Oleh itu, projek ini telah memberi impak kepada seorang mahasiswi seperti saya. Melalui projek teater ini, saya telah berjaya mengenal pasti kekurangan dan kelebihan diri saya apabila bekerja secara berkumpulan. Saya juga sangat teruja untuk berkongsi tentang pengalaman yang telah saya peroleh melalui penglibatan saya dalam projek ini.

Tidak saya nafikan bahawa penglibatan ahli kumpulan saya dalam projek ini sebagai Ahli Jawatankuasa (ajk) Protokol sangat memberi tekanan kepada kami. Hal ini demikian kerana projek pementasan teater ini adalah sebuah projek yang besar kepada semua pelajar pendidikan yang mengambil subjek ini. Maka, sebagai salah seorang ajk Protokol saya harus bersifat teliti dalam semua perkara dan cakna terhadap sebarang perubahan atau maklumat baharu sebelum berlangsungnya oementasan teater sehinggalah berakhirnya pementasan teater. Meskipun pada hari kejadian saya hanya menjadi seorang pengiring juri dan orang-orang penting (VIP), saya juga berasa tak senang duduk apabila berlaku sebarang masalah teknikal, masalah masa, dan sebagainya. Saya sangat bimbang sekiranya pementasan yang mengambil masa lebih daripada yang telah diperuntukkan akan menyebabkan projek tersebut habis lewat daripada apa yang telah kami tetapkan dalam aturcara majlis. Hal

ini demikian kerana saya sangat sensitif terhadap masa dan juga ingin menghormati masa orang lain terutamanya juri dan VIP yang mempunyai urusan luar pada hari tersebut, namun terpaksa berkorban untuk menghadirkan diri ke projek teater PGT203.

Dari segi kerjasama dalam kumpulan, saya tidaklah begitu memberi kerjasama dan tidak juga tidak memberi kerjasama. Dalam erti kata mudah, komitmen yang diberikan adalah bertepatan dan bersesuaian dengan kehendak ahli kumpulan. Kami semua mengalami masalah dalam pengurusan masa apabila mengadakan perjumpaan kerana terdapat di antara kami yang mempunyai tutorial, kuliah, mesyuarat dan sebagainya pada malam-malam tertentu dan ada juga hal-hal yang tidak dapat dielakkan berlaku. Dari segi kehadiran, terdapat beberapa perjumpaan yang saya lewat dan langsung tidak dapat untuk menghadirkan diri atas hal-hal tertentu terutamanya pada awal-awal kumpulan dibentuk. Namun, lama-kelamaan saya menjadi lebih mengutamakan perjumpaan daripada mesyuarat-mesyuarat lain terutamanya yang dimaklumkan pada saat akhir. Saya juga seorang yang akan sentiasa menyuarakan pendapat saya kepada ahli kumpulan demi penambahbaikan seperti memberi komen terhadap watak-watak utama dan sampingan dari segi ekspresi muka, intonasi percakapan dan kelantangan suara, dan pergerakan badan.

Pengalaman saya sepanjang bersama dengan ahli kumpulan saya ini ialah saya sentiasa berasa seronok untuk berjumpa dengan mereka kerana sikap mereka semua yang tolak ansur dan ceria. Kami tidak pernah mengalami ketegangan sepanjang bekerja bersama kerana setiap isu atau konflik yang timbul daripada pihak atasana akan kami selesaikan secara tenang iaitu melalui perbincangan. Meskipun pada awalnya saya rasakan perjumpaan yang diadakan pada setiap malam adalah mengganggu waktu saya untuk melaksanakan tugas-tugas lain, namun atas rasa

bertanggungjawab terhadap ahli kumpulan, saya ketepikan tuga-tugas yang kurang keutamaannya.

Kegembiraan kami semua adalah apabila kumpulan kami telah diumumkan sebagai pemenang kostum terbaik, pengarah terbaik, penulis skrip terbaik, dan juara keseluruhan bagi projek teater ini. Sungguh di luar jangkaan kami untuk memperoleh kemenangan sebesar itu kerana latihan kami yang tidak sekerap kumpulan lain, kurang serius semasa latihan kerana wujudnya insan yang lucu dalam kumpulan kami, dan penggunaan *props* yang tidak sebanyak kumpulan lain. Sungguhpun begitu, saya yakin kemenangan kami bukanlah semata-mata ditentukan oleh ciri-ciri fizikal dan konkrit semasa pementasan dilakukan tetapi adalah pada mesej yang cuba kami sampaikan. Saya sangat berterima kasih kepada ahli kumpulan saya atas penglibatan mereka dalam menjayakan pementasan teater kami ini.

Kesimpulannya, penglibatan saya dalam projek ini telah berjaya memberi pengalaman yang sangat bererti kepada saya dan rakan-rakan lain yang saya kira tidak dapat saya peroleh jika tidak saya terlibat dalam subjek ini. Saya sangat bersyukur kerana dikurniakan ahli kumpulan seperti mereka yang kreatif, ceria, memahami, berterus-terang, bersefahaman, dan boleh menerima pendapat orang lain secara terbuka. Terima kasih juga kepada para pensyarah subjek ini atas tunjuk ajar kepada kami dari segi pementasan teater dan perjalanan majlis.

**NAMA** : CELINE BINTI RAYA  
**NO. MATRIK** : 136346  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA  
BAHARU**

Teater ini merupakan projek yang terdapat dalam kursus PGT203 Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Guru. Teater pada kali ini bertemakan ‘Malaysia Baharu’ di mana setiap kumpulan perlulah menyiapkan drama mengikut idea masing-masing. Teater ini telah berlangsung pada 9 Disember 2018 di Dewan Kuliah U.

**SUMBANGAN DALAM TEATER**

Kumpulan kami menguruskan bahagian protokol dalam pelaksanaan teater selepas Masdaya. Kumpulan kami menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan jemputan juri, memastikan perjalanan majlis berjalan dengan lancar, membuat teks ucapan dan menguruskan giliran setiap kumpulan semasa pementasan drama berlangsung. Sumbangan saya dalam teater ini adalah saya membuat teks pengerusi majlis tidak formal untuk digunakan semasa berlangsungnya pementasan teater. Saya banyak bertanya kepada ketua bahagian protokol yang juga merupakan ahli kumpulan saya dalam proses membuat teks. Dalam pementasan drama pula, saya memegang watak sebagai anak kepada pelakon utama. Watak yang saya pegang dalam drama ‘Metamorfosis’ tersebut adalah saya perlulah melakonkan watak sebagai kanak-kanak yang riang. Sumbangan yang paling penting bagi saya adalah sumbangan saya dalam memberikan komitmen yang sepenuhnya dengan menghadirkan diri setiap kali adanya latihan untuk drama ini. Kehadiran saya ini dapat membantu melancarkan proses latihan kumpulan dengan sebaik-baiknya. Dalam masa yang sama, saya juga memberikan sepenuh kerjasama dengan semua ahli kumpulan saya dalam apa-apa jua hal atau pun perkara yang melibatkan penglibatan saya dan ahli kumpulan yang lain.

## **KEKURANGAN DIRI DALAM TEATER**

Kekurangan yang ada pada diri saya semasa teater adalah saya tidak banyak dalam menyumbangkan idea-idea untuk skrip drama untuk kumpulan kami. Hal ini sedemikian kerana pada masa tersebut saya tidak mempunyai idea yang bagus dan menarik untuk dikongsi dengan ahli kumpulan. Semasa perbincangan mengenai drama yang ingin dipersembahkan yang bertemakan 'Malaysia Baharu' saya banyak berdiam diri dan hanya bersetuju dengan idea-idea orang lain. Saya dapat melihat komunikasi dalam diri saya masih begitu kurang dan saya masih tidak begitu yakin untuk bercakap atau melontarkan idea kepada kumpulan saya. Komunikasi dalam diri saya tidak begitu ditingkatkan kerana saya hanya memegang watak tidak bersuara semasa pementasan drama. Masalah tidak yakin, kluatir pandangan orang lain dan tidak percaya merupakan punca diri saya dilihat kurang menyerlah daripada orang lain.

## **CARA UNTUK MENGATASI KEKURANGAN DALAM DIRI**

Cara untuk mengatasi kekurangan diri saya adalah diri saya sendiri perlu berani untuk melontarkan idea atau pandangan apabila berbincang. Komunikasi amat penting untuk kita untuk menambahkan keyakinan diri kita. Saya juga perlu katakan pada diri saya bahawa dalam setiap perbincangan mahu pun mesyuarat adalah perkara biasa sekiranya idea kita diterima dan ditolak. Jadi, pada bila-bila masa dan di mana jua saya perlu sentiasa yakin pada diri saya sendiri untuk berkomunikasi dengan yakin kerana saya merupakan bakal guru. Saya percaya sekiranya saya yakin dan tidak mempedulikan pandangan orang lain terhadap diri saya, saya mampu menjadi seorang insan yang disukai ramai.

## **REFLEKSI KESELURUHAN INDIVIDU MENGENAI PROJEK MASDAYA**

Untuk keseluruhan teater ini berjaya dilaksanakan di bawah pimpinan Dr. Baharuddin bin Haji Abdul Rahman dan Dr. Muhammad Zuhair dan kerjasama semua barisan majlis tertinggi projek Masdaya serta juga semua pelajar PGT203. Teater ini dilihat sebagai medium yang begitu penting untuk pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan yang bakal menjadi guru untuk menyerlahkan bakat dan meningkatkan kemahiran mereka dalam berkomunikasi dengan sebaik-baiknya. Walaupun terdapat beberapa masalah yang timbul semasa hari kejadian, para majlis tertinggi dan ajk-ajk teater bijak dalam menyelesaikan masalah tersebut sehingga berjayanya teater tersebut.



Projek seperti teater ini seharusnya dilaksanakan secara berterusan supaya mampu membentuk pelajar yang mempunyai akademik yang cemerlang dan sifat sahsiah yang terpuji dalam diri.

**NAMA** : FARAH FARAHIM BINTI ABU HANIFAH  
**NO MATRIK** : 136354  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA  
BAHARU**

Pementasan MASDAYA ini telah berlangsung pada tanggal 9 December 2018, pada hari Ahad. Program ini telah dilakukan di dalam kawasan USM (Universiti Sains Malaysia) yang bertempat di Dewan Kuliah U. Pementasan teater ini melibatkan seramai 171 orang pelajar yang telah mengambil kursus PGT 203. Pementasan pementasan teater ini. pada kali ini bertemakan Malaysia Baharu dan kumpulan kami iaitu dari Kumpulan 6 telah melakukan pementasan teater bertajuk “Metamorfosis”. Kumpulan kami juga telah mendapat juara keseluruhan bagi pementasan pementasan teater ini. ini. Selain itu juga, ahli kumpulan kami telah mendapat anugerah busana terbaik, penulis skrip terbaik dan juga pengarah terbaik.

Saya telah memberi sumbangan kepada ahli kumpulan saya dengan menjadi pengira markah bagi pementasan teater. Saya menjadi pengira markah kerana ahli kumpulan kami telah ditugaskan sebagai Ahli Jawatankuasa Protokol. Oleh itu, kami telah membahagikan tugas-tugas kecil kepada setiap ahli kumpulan dan saya telah mengambil tugas sebagai pengira markah pada hari tersebut. Pada hari tersebut saya telah berjaya menjalankan tugas saya dengan baik dan ketika giliran pementasan teater kumpulan kami tugas telah diambil oleh Kumpulan 7 yang ditugaskan sebagai ajk Tugas-Tugas Khas.

Sepanjang proses menjalankan pementasan teater saya banyak membantu rakan-rakan dalam kumpulan untuk memudahkan rakan-rakan untuk melakukan latihan teater. Saya tetap hadir ke latihan teater walaupun watak yang dibawa oleh saya hanya sampingan sahaja dan cuba buat yang terbaik dengan ahli-ahli kumpulan. Sepanjang proses untuk menjayakan pementasan teater juga saya tidak mengalami sebarang masalah komunikasi dengan ahli kumpulan kerana mempunyai komunikasi yang baik dengan ahli kumpulan yang lain. Semasa pementasan berlangsung juga saya dapat menjalankannya dengan baik.

Sebelum berlangsung hari kejadian kami kekurangan waktu untuk melakukan latihan teater kerana tugas ajk protokol yang ditugaskan agak berat. Oleh itu, pada hari latihan kami banyak menggunakan masa untuk membuat penerangan tentang jalan tugas yang perlu dilakukan oleh ajk Protokol. Dengan ini saya cuba untuk tidak mencampurkan masalah tugas protokol saya dengan persembahan teater yang akan dilakukan. Dengan ini saya telah berjaya membahagikan tugas saya dengan baik. Pada pandangan saya, ahli kumpulan kami dapat memberikan komitmen yang sepenuhnya sebelum dan semasa pementasan teater. Mereka tetap turun bersama-sama ketika hari latihan walaupun mereka hanyalah watak sampingan yang biasa sahaja. Mereka juga bersungguh-sungguh dalam melakukan latihan walaupun sibuk dengan tugas lain.

Dengan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Muhammad Zuhair bin Zainal dan Dr. Md. Baharuddin bin Abdul Rahman dan selaku penyelarass kursus PGT 203 yang banyak membantu sepanjang projek ini berlangsung. Daripada Dr. juga saya dapat mempelajari bagaimana cara untuk berkomunikasi dengan baik. Dengan ini kursus PGT 203 ini banyak membantu saya untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat

**NAMA** : FATINI BINTI MOHD ZAMZURI  
**NO MATRIK** : 139641  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

1.0 SUMBANGAN TERHADAP PROJEK TEATER MASDAYA 2018

Saya telah menyumbang kepada program ini dari segi penglibatan saya terhadap majlis tertinggi serta penglibatan terhadap jawatankuasa yang telah diamanahkan. Saya telah memegang jawatan sebagai bendahari serta ahli jawatankuasa protokol bagi projek ini. Bagi tugas bendahari, saya telah melakukan belanjawan bagi program ini bersama-sama dengan pengarah projek. Selain itu, saya juga telah mengutip wang sebanyak RM10 seorang dari setiap kumpulan bagi tujuan modal yang mampu menampung belanjawan makan, cenderahati serta sijil bagi setiap peserta. Pengutipan berjalan dengan lancar kerana semua memberikan kerjasama yang baik. Saya juga telah mengagihkan wang yang diperolehi kepada setiap ketua jawatankuasa pelaksana mengikut belanjawan. Saya juga mengingatkan kepada mereka untuk menyimpan resit pembelian serta mengembalikan wang lebihan jika ada. Selain itu, saya juga telah menjalankan amanah saya sebagai ahli jawatankuasa protokol. Saya telah dilantik oleh ahli kumpulan saya untuk menjadi *floor manager* pada hari kejadian. Saya juga telah merujuk dengan ketua kumpulan kami iaitu Nur Atikah binti Abdul Rahman (132289) untuk mengetahui dengan lebih lanjut akan apa yang perlu saya perlu lakukan sebagai *floor manager*. Saya telah memastikan setiap tindakan saya selaras dengan ketua kumpulan untuk mengelakkan konflik semasa program berlangsung. Selain itu, saya juga telah diamanahkan oleh Dr. Baharuddin untuk menjadi penterjemah kepada seorang pelajar antarabangsa yang berasal dari Thailand dalam kumpulan saya.

2.0 KELEBIHAN DAN KEKURANGAN DIRI DALAM ASPEK KOMUNIKASI

Kelebihan saya dalam aspek komunikasi adalah saya mampu berkomunikasi atau berinteraksi dengan baik dengan kalangan ahli kumpulan saya. Selain itu, saya juga mampu berkomunikasi serta berinteraksi dengan pelajar antarabangsa tersebut

dengan baik kerana saya mempunyai asas terjemahan dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris. Hal ini kerana saya telah mempelajari teknik asas terjemahan tersebut semasa saya melanjutkan pelajaran di peringkat diploma dua tahun lepas.

### 3.0 REFLEKSI KESELURUHAN INDIVIDU MENGENAI PROJEK TEATER MASDAYA 2018

Pada pendapat saya, projek ini secara keseluruhan adalah sangat bagus dan amat digalakkan di universiti kerana ianya mampu memupuk *soft skills* dalam kalangan mahasiswa serta mahasiswi Universiti Sains Malaysia. Saya juga berpendapat bahawa aktiviti atau program seperti ini mampu membuka minda mahasiswa akan kehidupan bekerja secara organisasi yang akan ditempuhi oleh kami suatu hari nanti. Bukan senang nak susah, bukan susah nak senang jikalau ada usaha untuk kita mencapai kejayaan.

Projek ini banyak mengajar saya tentang erti bertoleransi. Hal ini kerana cabaran yang kami sebagai satu kumpulan tempuhi apabila kekangan masa dalam latihan untuk teater. Kami terdiri daripada pelbagai jurusan serta komitmen yang berbeza, menyukarkan kami untuk mencari waktu yang sesuai untuk berlatih. Kami atasi dengan saling bertolak ansur antara satu sama lain agar mudah untuk kami berlatih serta memperbaiki lakonan kami selain tugas sebagai unit protokol. Walaupun kami terpaksa berkorban tenaga dan masa, saya yakin hal tersebut juga telah menyumbang kepada kejayaan kami memenangi kategori keseluruhan.

**NAMA** : FRANKLIN SERIT ANAK DUART  
**NO MATRIK** : 127652  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

Tugasan teater juga merupakan salah satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan bagi saya dan rakan-rakan yang mengambil kursus PGT203 pada semester ini. Setelah beberapa bulan saya dan rakan-rakan bekerjasama, wujud satu ikatan kekeluargaan yang mana saya rasa ia menjadi kenangan terindah bagi saya ketika berada di Universiti Sains Malaysia. Walaupun terdiri daripada ahli yang mempunyai latar belakang yang berbeza, ia langsung tidak menghalang saya dan rakan-rakan untuk mengenali antara satu sama lain. Keakraban yang wujud setelah bersama-sama bertungkus-lumus menghasilkan teater yang menarik sememangnya tidak dapat dibeli dengan wang ringgit. Tema yang ditetapkan untuk teater pada kali ini ialah MALAYSIA BARU. Oleh itu, kami bersepakat memilih tajuk Metamorfosis sebagai teater yang bakal dipersembahkan. Sebagai satu kumpulan, saya dan rakan-rakan banyak menghabiskan masa bersama untuk menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan dalam pementasan teater. Jadi, hubungan erat yang wujud melalui tugas teater menjadi pengalaman yang tidak dapat dilupakan sampai bila-bila.

Selain daripada memperoleh pengalaman berguna, saya dapat belajar nilai kerjasama dalam satu pasukan. Untuk menghasilkan persembahan teater yang terbaik, saya dan rakan-rakan bersepakat untuk membahagikan tugas supaya semuanya berjalan dengan lancar selepas balik bercuti pertengahan semester. Ahli kumpulan langsung tidak menunjukkan sebarang masalah apabila tugas dibahagikan sebaliknya mereka melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan sebaik mungkin. Sebelum pementasan teater berlangsung, saya dan rakan-rakan banyak bekerjasama dalam menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan dalam teater Metamorfosis. Untuk memudahkan persediaan pementasan kami, maka pengarah bagi teater kami mencadangkan untuk tidak menggunakan terlalu banyak duit. Kerjasama tersebut terus dikekalkan sehingga hari pementasan teater berlangsung. Keadaan ini

sememangnya banyak mengajar saya tentang nilai kerjasama yang perlu diutamakan apabila bekerja dalam satu kumpulan.

Seterusnya, tugas teater membolehkan saya belajar tentang nilai tolong-menolong antara satu sama lain. Walaupun tugas telah dibahagikan antara ahli kumpulan, tetapi rakan-rakan tetap menolong saya sekiranya mempunyai masalah ketika itu. Apa yang menyentuh hati saya adalah rakan-rakan sanggup korbankan masa dan wang ringgit untuk sama-sama menyiapkan tugas teater tersebut. Mereka tetap menunjukkan nilai tolong-menolong walaupun masing-masing sudah mempunyai tanggungjawab sendiri dalam proses persiapan teater. Saya yakin bahawa khidmat baik rakan-rakan ahli kumpulan menjadi contoh kepada saya untuk sama-sama menolong rakan-rakan saya yang lain sekiranya berada dalam kesusahan.

Melalui tugas teater juga saya dapat meningkatkan kemahiran komunikasi yang ada pada diri saya. Komunikasi sememangnya kerap berlaku kerana saya dan rakan-rakan banyak menghabiskan masa bersama sepanjang proses persediaan dan pementasan teater tersebut. Saya cuba untuk berkomunikasi dengan sebaik mungkin supaya rakan-rakan mudah untuk memahami dan menerima apa yang saya sampaikan. Rakan-rakan saya juga sebenarnya berkomunikasi dengan baik antara satu sama lain dan saya sememangnya memahami apa yang mereka cuba sampaikan. Tempoh masa yang lama untuk menghasilkan persembahan teater yang terbaik telah memberi ruang kepada saya dan rakan-rakan mengasah kemahiran komunikasi menjadi lebih baik pada masa akan datang. Kemahiran komunikasi ahli kumpulan saya teruji semasa pementasan teater berlangsung kerana bertugas sebagai ajk protocol pada masa itu. Sedikit kesilapan komunikasi membolehkan majlis menjadi berterabur. Syukur kerana kami telah memahami ahli kumpulan masing-masing dan dapat menjalankan tugas dengan baik.

Selain itu, saya dapat belajar tentang cara mengawal emosi ketika berhadapan dengan rakan-rakan. Ahli kumpulan yang ramai semestinya mempunyai pelbagai ragam dan tingkah laku yang mencuit hati mahupun yang menguji kesabaran. Dalam konteks ini, saya dapat belajar bagaimana cara untuk mengawal emosi supaya rakan-rakan tidak tersinggung dengan percakapan atau perbuatan yang saya lakukan. Pada masa yang sama, saya dapat belajar bagaimana cara untuk berhadapan dengan khalayak ramai melalui pementasan teater yang berlangsung di dewan kuliah. Tanpa semangat ingin mencuba, sudah pasti saya tidak mampu untuk berada di atas pentas.

Jadi, cara untuk mengawal emosi dan cara untuk berhadapan dengan khalayak ramai merupakan antara ilmu baru yang saya peroleh melalui tugas teater.

Secara keseluruhannya saya merasakan bahawa pementasan teater ini merupakan platform terbaik bagi membentuk keyakinan diri dan keperibadian unggul dalam kalangan guru. Keberanian untuk berhadapan dengan orang ramai sangat penting untuk dikuasai sekiranya mahu menjadi seorang guru. Diharapkan apa yang dipelajari menerusi kursus ini dapat dipraktikkan untuk menjadi seorang guru yang baik.



**NAMA** : IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI  
**NO MATRIK** : 136361  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA  
BAHARU**

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita masih dipanjangkan umur dan diberi kesempatan untuk menimbah ilmu di muka bumi ini. Alhamdulillah syukur juga saya panjatkan ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya, saya bersama ahli kumpulan sekali lagi telah menjayakan pementasan teater yang bertemakan Malaysia Baharu. Sekalung terima kasih saya ucapkan kepada pensyarah Pgt203, iaitu Dr Muhammad Zuhair Bin Zainal dan Dr. Baharuddin Bin Abdul Rahman kerana dengan bimbingan serta tunjuk ajar yang diberikan dapatlah kami menjayakan teater ini dengan jayanya. Ribuan terima kasih juga saya tujukan kepada ahli kumpulan 6 kerana telah memberi komitmen yang terbaik bagi memastikan kelancaran pementasan teater Masdaya ini.

**Sebelum pementasan teater**

Sebelum pementasan teater ini berlangsung, kami telah diberikan tema dari awal mula kuliah iaitu Malaysia Baharu. Setelah pembentukan kumpulan dijalankan oleh Dr. Zuhair, saya bersama dengan ahli lain berada dalam kumpulan 6. Selepas sahaja kuliah dijalankan, Dr. Zuhair meminta kami semua untuk mengadakan tutorial bagi mengadakan perbincangan berkaitan dengan tema teater ini.

Semasa mengadakan perjumpaan tutorial, kami sekumpulan telah memulakan agenda iaitu pembahagian tugas. Pembahagian tugas ini termasuklah melantik pengarah yang seterusnya penulis skrip, setiausaha, bendahari, Ahli Jawatan Kuasa (ajk) Multimedia, ajk teknikal dan fizikal, ajk busana dan kostum, dan pengurusan pentas. Setelah selesai pembahagian tugas, kami sekumpulan telah membuat rangka berkaitan dengan intipati teater yang hendak dipersembahkan. Kami semua telah mengeluarkan idea masing-masing dalam merangka jalan cerita teater agar dapat menarik perhatian penonton. Setelah mendapat rangka penuh, pengarah teater bagi kumpulan kami telah berjumpa dengan pensyarah bagi mendapatkan komen beliau

berkaitan dengan jalan cerita kami ini. Alhamdulillah, jalan cerita kami diterima dengan baik dan menepati tema Malaysia Baharu.

Selepas sahaja mendapat jalan cerita bagi teater kumpulan kami, kami semua mengadakan perjumpaan masa tutorial untuk memulakan latihan. Selain dari waktu tutorial, kami juga menggunakan waktu-waktu lain untuk mengadakan latihan bagi memastikan teater kami berjalan dengan lancar. Di sini, kami juga menghadapi beberapa kekangan kerana kami perlu memastikan kesemua ahli kumpulan mempunyai masa yang lapang agar semua watak yang telah ditetapkan dapat menghadiri latihan. Bagi rakaman video atau trailer, kami semua telah sepakat untuk mengadakan trailer diluar kawasan Universiti Sains Malaysia, iaitu bertempat di George Town, Pulau Pinang.

Di samping itu, bagi memastikan kelancaran program untuk hari pementasan teater ini, setiap kumpulan telah diberikan tugas masing-masing. Oleh itu, kumpulan kami telah diberikan tugas sebagai Ahli Jawatan Kuasa Protokol dan Jemputan. Pada awalnya, ajk protokol dan jemputan ini agak sukar kepada kami kerana ia memerlukan ketelitian dan sangat diperlukan dalam sesebuah majlis rasmi. Namun demikian, kesukaran itu bukan halangan kepada kami, dan kami mengambil tugas tersebut sebagai cabaran dan menambah pengalaman. Sebelum pementasan teater berlangsung, kami semua juga telah mengadakan persiapan rapi termasuklah meminjam busana dari Dewan Budaya, menghasilkan prop, menetapkan lagu dan sebagainya.

Dapat disimpulkan bahawa, sebelum pementasan teater ini, saya dan rakan-rakan yang lain telah menimbah ilmu pengetahuan baharu iaitu ilmu protokol dan jemputan sangat penting dalam sesuatu majlis. Sebagai pengiring bagi tetamu jemputan dan pensyarah, saya mendapat ilmu baharu iaitu sebelum menjemput tetamu jemputan, perlulah mengikut prosedur tertentu iaitu memberi surat terlebih dahulu kepada tetamu jemputan tersebut. Sebagai seorang ketua bagi kumpulan 6, saya perlu memastikan bahawa semua ahli memberi kerjasama yang baik dan dapat dirumuskan bahawa ahli kumpulan telah memberi komitmen yang baik dan bersedia untuk mempersembahkan teater dan menjalankan tugas masing-masing.

### **Semasa pementasan teater**

Semasa pementasan teater ini, kami semua telah bersiap sedia untuk bertugas sebagai ajk protokol dan jemputan dan melakukan persembahan. Tugas sebagai pengiring berjalan seperti biasa mengikut tentatif yang telah dirancang. Setelah selesai mengiring tetamu jemputan dan pensyarah ke dalam dewan, kami semua memulakan persembahan teater. Setelah selesai tugas sebagai pengiring, saya dan rakan pengiring yang lain membantu ajk protokol yang lain dalam melancarkan majlis yang sedang berlangsung.

Terdapat kelemahan dan kelebihan semasa menjalankan pementasan ini. Antara kelemahan dalam pementasan teater ini adalah kurang komunikasi antara kumpulan. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa kumpulan yang melakukan persembahan melebihi 15 minit. Keadaan ini telah menjejaskan masa dan kumpulan lain untuk membuat persembahan. Walau bagaimanapun, kelemahan ini dapat diatasi apabila pihak kami memaklumkan bahawa setiap kumpulan hendaklah melakukan persembahan selama 15 minit sahaja. Kelebihan yang saya peroleh semasa pementasan teater ini ialah saya dapat bekerjasama dengan kumpulan lain. Sebagai contoh, apabila tiba masanya untuk makan tengah hari, saya melakukan komunikasi yang baik dengan ajk makanan dan meminta agar ajk makanan mengedarkan makanan mengikut arahan yang saya berikan berdasarkan tentatif program.

### **Selepas pementasan teater**

Syukur alhamdulillah, kumpulan kami telah merangkul Busana Terbaik, Penulis Skrip Terbaik, Pengarah Terbaik dan Pemenang Keseluruhan. Kemenangan ini adalah berpunca daripada kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh ahli kumpulan. Kumpulan kami mempunyai strategi tersendiri iaitu hanya menggunakan eksperimen dan emosi dalam pementasan teater di samping mengurangkan penggunaan prop bagi menjimatkan kos. Segala perancangan yang telah dilakukan akhirnya membuahkan hasil.

Selepas pementasan teater, kami semua mengemas semua barang-barang termasuklah walkie-talkie. Kami juga membuat sedikit pasca nilai berkaitan dengan gerak kerja ajk protokol ini. Akhir sekali, kami semua mengedarkan hadiah dan cenderamata yang diperolehi dan dalam masa yang sama menghasilkan laporan penuh dan refleksi sendiri.

**NAMA** : MOHAMAD SYUKURI BIN KASI  
**NO MATRIK** : 136379  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA  
BAHARU**

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran ilahi kerana dengan izinNya kami telah berjaya menjayakan pementasan teater PGT203 yang bertemakan “Malaysia Baharu”. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr.Zuhair dan Dr.Baharuddin atas tunjuk ajar dan bimbingan serta sokongan moral yang diberikan sehingga kami berjaya melakukan program tersebut. Kumpulan kami telah bertungkus-lumus untuk memastikan kelangsungan pementasan teater ini. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kekangan terpaksa dilalui. Antaranya ialah dari segi masa ahli kumpulan yang masing-masing mempunyai komitmen menyebabkan kami memiliki masa yang terhad untuk membuat latihan. Kekadang kami terpaksa membuat latihan pukul 10 malam kerana segelintir ahli kumpulan kami perlu menghadiri kelas pada waktu malam. Kumpulan kami memiliki masa yang amat batas untuk membuat latihan di samping merancang perjalanan majlis kerana kumpulan kami telah dipertanggungjawabkan sebagai ajk protokol. Kesibukan serta kelewatan arahan daripada pihak ketua projek telah menyebabkan kelewatan perancangan kelangsungan majlis. Di samping itu juga, kami terpaksa mengalami masalah untuk membuat “trailer” yang akhirnya kami memutuskan untuk merakamkan video pendek di Georgetown. Masalah kewangan juga merupakan cabaran yang kami terpaksa tempuhi. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan kami tidak dapat menyediakan dan menggunakan peralatan serta perhiasan yang banyak dalam pementasan teater kami. Jadi, kumpulan kami telah mengambil inisiatif untuk menggunakan peralatan kitar semula. Selain itu juga, dalam menjalani latihan serta merancang perjalanan majlis, saya mengalami kesukaran untuk berkomunikasi menggunakan bahasa inggeris dengan ahli kumpulan kami yang berasal dari Thailand tetapi masalah itu dapat diatasi dengan adanya ahli kumpulan kami yang terdiri daripada pelajar Tesol. Selain itu juga, sebelum bermulanya latihan teater, kami juga

mengalami masalah seperti menentukan plot penceritaan yang akan kami persembahkan serta pemilihan tajuk. Namun kami telah merujuk artis dewan budaya untuk mendapatkan nasihat dan cadangan berkaitan permentasan teater kami. Walau bagaimanapun ahli kumpulan kami telah memberikan komitmen yang sepenuhnya semasa berlangsungnya permentasan teater yang bertemakan “Malaysia Baharu” walaupun terpaksa menghadapi pelbagai masalah dan cabaran dalam menjayakannya. Semangat yang kuat antara ahli kumpulan kami telah mengatasi segala permasalahan serta kekurangan yang dihadapi dengan memenangi empat kategori iaitu penulis skrip terbaik, pengarah terbaik, busana terbaik serta johan keseluruhan. Kekurangan latihan dan masa tidak menghalang kumpulan kami untuk mempersembahkan yang terbaik dengan berbekalkan semangat kerjasama yang kuat. Manfaat serta pengajaran yang saya pelajari daripada teater ini adalah bijak dalam pengurusan masa, meningkatkan keberanian, kemahiran dalam ict serta membina semangat kekitaan sesama ahli kumpulan dan mengeratkan hubungan silaturahim antara kami. Akhir kata, semoga program seperti ini akan dapat dijalankan setiap masa agar dapat melahirkan guru yang pelbagai kemahiran serta mahir dalam pengurusan majlis dan berani menceburi pelbagai bidang di luar kerjaya sebagai seorang guru.

**NAMA** : NIK NUR HIDAYAH BINTI DORAMAN  
**NO MATRIK** : 136410  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA  
BAHARU**

Secara umumnya, Projek pementasan teater ini. (Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan) pada tahun 2018 adalah salah satu program yang telah dibuat oleh pelajar yang mengambil kursus PGT203 (Kemahiran Berkomunikasi dan Interpersonal untuk Guru). Persembahan pementasan teater ini. ini dibuat di DK U pada tarikh 8 Disember 2018 yang bertemakan Malaysia Baru. Setiap kumpulan diminta menghasilkan satu teater mengikut kreativiti dan ideal masing-masing. Syukur alhamdulillah, pementasan teater ini. berjalan dengan baik dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak. Projek ini merupakan satu projek yang sangat bagus dalam melatih kami bakal pendidik untuk berkomunikasi secara baik. Walaupun kumpulan kami memegang jawatan protokol akan tetapi teater yang kami hasilkan dapat diterima oleh para kjuri dan penonton-penonton

**SUMBANGAN TERHADAP PEMENTASAN TEATER**

Saya mengambil bahagian dalam menjaga masa teater, menguruskan '*prop*' dan memegang watak sebagai penyanyi dalam kumpulan Metamorfosis. Sepanjang teater berlangsung, saya diamanahkan untuk menjaga masa selama lima minit bagi persiapan teater dan lima belas minit untuk persembahan teater. Saya mengalami kesukaran untuk memastikan setiap kumpulan menggunakan masa yang diberikan dengan tepat. Hal ini kerana ada sesetengah kumpulan berteater selama dua puluh minit. Secara tidak langsung, ia turut mengganggu tentatif yang dirancang. Dalam pengurusan '*prop*' pula, saya tidak mengalami masalah untuk mendapatkan barangan kerana kumpulan kami menggunakan '*prop*' yang sedikit semasa persembahan teater. Hal ini kerana, teater yang kami lakukan adalah mementingkan penghayatan dan riak muka pelakon untuk memberi kesan emosi kepada penonton-penonton dan juri-juri. Kebanyakan '*prop*' yang digunakan adalah berasaskan kitar semula seperti kotak-kotak lama, surat khabar, kayu dan sebagainya. Selebihnya, kami menggunakan

barang yang sedia ada oleh pelajar seperti basikal, baldi, pinggan dan lain-lain. Saya juga turut memegang watak sebagai penyanyi dalam persembahan teater kumpulan Metamorfosis. Hal ini kerana pengarah merangkap penulis skrip menginginkan sebuah pementasan teater yang menerapkan muzikal. Walaupun watak yang dipegang oleh saya adalah sampingan, ia memerlukan pergerakan dan intonasi yang seiring dengan penyanyi yang lain.

### **KELEBIHAN YANG TERDAPAT DALAM DIRI**

Kelebihan yang terdapat dalam diri saya ialah seorang yang berdisiplin dan patuh segala arahan yang diberikan. Sebelum pementasan teater ini. berlangsung, saya diberi tanggungjawab dalam menyediakan '*prop*' bagi kumpulan enam. Saya menawarkan diri untuk ke Mydin untuk membeli barang keperluan teater seperti bendera, batang penyapu dan belon. Walaupun saya mengalami kesukaran untuk kesana, akan tetapi amanah yang diberikan saya hiraukan jua. Selain itu, saya juga berdisiplin dengan masa dimana saya diberi tugas sebagai penjaga masa teater bagi memastikan setiap kumpulan melakukan persembahan teater mengikut masa yang ditetapkan. Apabila masa yang ditetapkan selama lima belas minit mencukupi, loceng dibunyikan menandakan masa yang diberikan adalah tamat. Walaupun tindakan yang dilakukan oleh saya agak tegas akan tetapi ianya mampu menjejaskan perjalanan projek pementasan teater ini. sekiranya saya tidak menitikberatkan masa yang telah ditetapkan oleh ketua protokol. Kelebihan yang terdapat dalam diri saya yang seterusnya ialah mahir berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Saya mempraktikkan kemahiran berkomunikasi semasa saya menjalankan tugas menjaga masa. Hal ini kerana saya telah berkomunikasi dengan juri apabila menyanyakan perihal pementasan teater ini. Hasilnya, saya telah berkomunikasi dengan baik dan difahami oleh para juri.

### **KEKURANGAN YANG TERDAPAT DALAM DIRI**

Kekurangan yang terdapat dalam diri saya sepanjang pementasan teater ini. adalah malu untuk berhadapan di khalayak ramai. Hal ini kerana watak utama dalam Metamorfosis adalah sepatutnya saya akan tetapi saya lebih memilih berkerja belakang tabir. Ditambah pula, saya sukar untuk menimbulkan riak muka bersesuaian dengan situasi bagi menimbulkan emosi kepada para juri dan penonton-penonton. Hal ini kerana, kumpulan Metamorfosis mementingkan riak muka dan penghayatan oleh

pelakon berbanding '*prop*' yang banyak. Walaupun nampak perbezaan '*prop*' kumpulan kami dengan kumpulan yang lain, akan tetapi teater yang kami sampaikan dapat difahami oleh para juri dan penonton- penonton. Kekurangan yang seterusnya ialah masalah untuk mengurangkan bahasa dialek ketika bertutur dengan orang ramai. Saya boleh bertutur bahasa Melayu akan tetapi semasa bercakap terselit sedikit dengan dialek negeri.

### **CARA MENGATASI KEKURANGAN DIRI**

Cara untuk mengatasi masalah ini, saya perlu bercakap dihadapan khalayak orang ramai. Melalui cara ini ini dapat membantu saya menghilangkan rasa gugup apabila berhadapan dengan orang ramai. Bagi mengatasi masalah dialek pula, saya perlu bergaul dan berkawan dengan rakan-rakan yang berlainan negeri dengan saya supaya dapat mengurangkan sedikit dialek negeri dalam percakapan saya. Di samping dapat melatih saya supaya tidak malu apabila bercakap dengan menggunakan bahasa yang betul di hadapan khalayak ramai.

### **REFLEKSI KESELURUHAN**

Refleksi secara keseluruhan pementasan teater ini. adalah berjalan dengan lancar walaupun terdapat sedikit masalah teknikal di mana sesetengah video pendek yang dibuat oleh pelajar-pelajar PGT203 tidak dapat dipaparkan. Akan tetapi masalah tersebut diatasi apabila pelajar-pelajar PGT203 menyediakan laptop sampingan. Secara keseluruhannya, projek Masdaya berjalan dengan lancar dan dirasmikan oleh ketua juri iaitu En. Murshid Bin Md Hussain.



**NAMA** : NIK SITI NURHIDAYAH BINTI NIK MOHAMAD NOOR  
**NO MATRIK** : 136412  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

Dalam Program pementasan teater ini. , kumpulan kami ditugaskan sebagai Ahli Jawatankuasa Protokol. Sumbangan saya dalam ajk Protokol ialah saya dan seorang lagi rakan saya ditugaskan sebagai krew pentas untuk memantau dan memastikan persembahan berjalan dengan lancar. Saya juga turut mengawal keadaan dan laluan dewan di sebelah kanan supaya tidak terhalang dengan kesesakan pelajar yang berdiri untuk menonton persembahan dan menunggu giliran. Dalam masa yang sama, saya juga merupakan salah seorang pelakon dalam persembahan teater yang bertajuk ‘Metamorfosis’ dari kumpulan 6.

Kelebihan yang saya dapat dalam program ini ialah saya dapat membendung dan mengurangkan rasa malu untuk berhadapan dengan orang ramai memandangkan saya turut berlakon dalam teater ‘Metamorfosis ini’. Hal ini sememangnya sangat membantu saya kerana seorang guru haruslah berani untuk berhadapan dengan orang ramai. Melalui program Teater ini juga, hubungan antara kami satu kumpulan semakin erat dan kerjasama antara ahli kumpulan juga menjadikan kami sangat bersemangat untuk mementaskan lakonan teater. Secara tidak langsung, kerjasama semua menjadikan perasaan gugup saya pudar untuk

Selain itu, kelebihan yang ada dalam diri saya ialah saya tidak mudah merungut. Saya tidak kesah jika terpaksa balik lewat untuk berlatih teater ini kerana bagi saya bila semua memberikan kerjasama yang baik, setiap perkara yang ingin dibuat akan menjadi bersemangat dan seronok.

Cabaran yang saya hadapi ialah saya mempunyai kekangan masa untuk berlatih selain dari hari tutorial. Saya mempunyai jadual yang agak penuh pada waktu malam dengan kelas serta beberapa program penting. Namun, saya dapat atasinya apabila kami semua bersepakat untuk melakukan latihan pada pukul 10 malam ke atas.

**NAMA** : NOR KARTIKAH BINTI ILYAS  
**NO MATRIK** : 136422  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

## **REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**

### **BAHARU**

Assalamualaikum w.b.t dan syukur ke hadrat Illahi atas segala rahmat dan kurniaNya telah memberi kelancaran kepada pelajar kursus Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Guru iaitu PGT203 dalam menjayakan majlis teater memasyarakatkan kebudayaan kebangsaan. Majlis ini berlangsung pada 9 Disember 2018 bertempat di Dewan Kuliah U Universiti Sains Malaysia. Terima Kasih juga diucapkan kepada Dr. Md. Baharuddin bin Hj. Abdul Rahman dan Dr. Muhammad Zuhair bin Zainal yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada pelajar PGT203 dalam menjayakan majlis ini.

### **1.0 SUMBANGAN DALAM PROGRAM TEATER**

Sebelum

Dalam menjayakan majlis ini kumpulan saya ditugaskan untuk menjadi Ahli Jawatan Kuasa Protokol Protokol. Sebelum hari kejadian, saya dan rakan sekumpulan berbincang bersama-sama mengatur aktiviti dan perjalanan majlis teater. Saya sedar tidak mudah untuk mengatur majlis rasmi oleh itu saya telah mencari maklumat tentang cara-cara yang betul untuk mengendalikan majlis tersebut di internet. Kumpulan saya juga telah bertanyakan kepada orang-orang yang lebih arif dalam menguruskan majlis rasmi. Di samping itu, pengalaman menguruskan majlis semasa kuliah PGT203 sedikit sebanyak telah memberi komitmen dengan menghadiri setiap pertemuan dan perbincangan yang diadakan. Walaupun saya menghadapi rintangan seperti kelas ganti dan cuaca yang tak menentu pada waktu perjumpaan, saya perlu bijak membahagikan masa dan menguruskan perjalanan aktiviti harian saya dengan sebaiknya. Hasil perbincangan berkumpulan saya ditugaskan untuk menjadi pengurus pentas bersama tiga rakan saya. Saya bertanggungjawab mengetahui setiap perjalanan giliran kumpulan yang akan mempersembahkan teater. Selain itu, saya dan ahli

kumpulan telah mengadakan taklimat tentang tentatif majlis kepada pelajar-pelajar PGT203 dan dua kali raptai sebelum hari kejadian.

Semasa

Majlis Teater bermula pada 7 pagi iaitu sesi pendaftaran. Saya sebagai ajk Protokol bertanggungjawab berada di Dewan Kuliah U sebelum 7 pagi untuk melakukan persiapan majlis. Sebelum majlis bermula kami telah melakukan raptai ringkas untuk memastikan semua peralatan dapat digunakan secara lancar. Saya bertanggungjawab memastikan kedudukan setiap kumpulan tepat seperti yang dirancang oleh ajk Protokol. Sepanjang majlis saya berada di kiri dewan untuk mengawal perjalanan pementasan teater. Kami juga telah bekerjasama dengan ajk Tugas-Tugas Khas dalam mengagihkan tugas untuk menggantikan tugas ajk Protokol semasa kumpulan kami membuat persembahan. Selepas kumpulan kami membuat persembahan, kami mengambil-alih semula tugas sebagai ajk Protokol sehingga majlis tamat.

## **2.0 KEKURANGAN DALAM MENJAYAKAN MAJLIS**

Namun begitu, terdapat masalah yang perlu saya hadapi iaitu saya tidak mampu mengawal minit masa persembahan setiap kumpulan. Terdapat sesetengah kumpulan yang mengambil masa lebih 15 minit dalam membuat persediaan dan persembahan teater. Oleh itu, saya perlu tegas mengawal masa yang diperuntukkan dalam majlis pada masa hadapan. Selain itu, ajk Protokol terpaksa menukar tentatif majlis supaya majlis tamat lebih awal kerana juri tidak dapat berada dalam majlis sehingga tamat. Akhir sekali, saya sedar bahawa perjalanan turun-naik di atas pentas tidak begitu teratur. Hal ini kerana, setiap kumpulan diberikan kebebasan untuk turun dari pentas. Oleh itu, saya harus bijak merancang laluan turun-naik pentas supaya persembahan lancar dan kemas pada majlis yang akan datang.

## **5.0 REFLEKSI KESULURUHAN**

Syukur ke Hadrat Ilahi kerana majlis teater telah berjaya dijalankan. Setiap kumpulan menikmati persembahan dengan gembira. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua orang yang bekerjasama membantu dalam menjayakan majlis. Walaupun ada masalah yang perlu dihadapi, pelajar perlu mengambil iktibar dan mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah sebaik mungkin. Masalah dan

kekurangan tersebut perlu dibaiki supaya kita dapat menghasilkan majlis yang sempurna pada masa yang akan datang.

**NAMA** : NUR ATIKAH BINTI ABDUL RAHMAN  
**NO MATRIK** : 132289  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

Kursus Kemahiran Komuknikasi dan Interpersanal Guru ini banyak memberi kebaikan kepada saya. Pada mulanya, saya berfikir hanya untuk bekerja disebalik tabir sahaja untuk pementasan teater kumpulan saya. Namun ahli kumpulan saya telah memberi kepercayaan untuk saya memegang watak utama. Walaupun, pada mulanya saya berasa ragu-ragu untuk membawa watak itu, tetapi dengan semangat dan dorongan yang ditunjukkan oleh ahli kumpulan saya, membuatkan saya berasa bersemangat untuk berikan yang terbaik. Sejujurnya, saya bukanlah seorang yang berani membuat persembahan dihadapan orang ramai kerana saya lebih suka membuat kerja-kerja pengurusan daripada terlibat membuat persembahan. Tetapi dengan pementasan teater ini saya bukan lagi seorang yang hanya menjadi penonton kepada persembahan rakan-rakan saya tetapi saya juga turut serta dalam pementasan ini malah memegang watak utama dalam pementasan teater tersebut. Pengalaman baru yang sangat manis bagi saya dan tidak akan saya lupakan. Saya juga ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang memberikan kepercayaan kepada saya untuk memegang watak utama ini dan mereka telah berjaya menjadikan saya seorang yang pemalu untuk berhadapan dengan orang ramai menjadi seorang yang lebih berani. Setelah pementasan teater ini baru saya faham tiada apa yang mustahil selagi kita tidak mencubanya. Lebih-lebih lagi watak yang saya pegang memerlukan saya berpakaian buruk dan beremosi sedih tetapi saya cuba sebaik mungkin untuk menyampaikan mesej yang pengarah inginkan.

Refleksi menjadi hod protokol pula, saya berasakan tanggungjawab yang diberikan sangat berat namun ahli kumpulan saya memberikan kerjasama yang baik. Walaupun, program tidak berjalan dengan lancar seperti yang dirancang tetapi saya dan ahli kumpulan saya sudah cuba buat yang terbaik sebagai ajk protokol. Sebelum pementasan teater berlangsung banyak perubahan disaat-saat terakhir yang memerlukan perubahan serta merta bagi tentatif dan sebagainya. Namun kami cuba

menyelesaikannya sebaik mungkin. Pengalaman menjadi hod protokol tidak akan saya lupakan kerana banyak perkara baru yang saya belajar sepanjang menjadi hod protokol. Antaranya, cara mengawal ahli dewan yang ramai dan bekerjasama dengan rakan-rakan yang baru dikenali. Saya juga bersyukur kerana dr juga banyak membantu kami dengan memberi beberapa cadangan-cadangan untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Akhir sekali, menjadi peserta pementasan teater dan Hod protokol adalah sangat mencabar tambahan pula, disaat-saat tarikh penghantaran tugas namun melalui pengalaman ini saya belajar untuk memberi komitmen dalam semua perkara sebaik mungkin. Akhir kata, terima kasih kepada dr yang mengajar cara berkomunikasi dan rakan-rakan seperjuangan yang berjaya menjadikan saya seorang yang berani bercakap dihadapan orang ramai serta memberi kerjasama kepada saya sebagai Hod protokol.

**NAMA** : NUR ATIQAH AMEERA BINTI ABD RAZALI  
**NO MATRIK** : 132290  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA  
BAHARU**

Sebelum mendaftar kursus PGT203 ini lagi saya sudah memasang niat untuk menjadi penulis skrip. Namun apabila diberitahu pada tahun ini terdapat sedikit perubahan apabila penulis skrip juga perlu menjadi pengarah bagi pementasan teater, perkara tersebut sedikit sebanyak menggusarkan hati saya. Namun semuanya berjalan lancar kerana saya dapat melihat terdapat perkaitan antara tugas sebagai penulis skrip dan pengarah. Hal ini juga dipermudahkan lagi kerana saya turut dibantu oleh pembantu pengarah dan tidak dilupakan juga ahli kumpulan yang sangat membantu dalam pembikinan trailer diluar kawasan USM, penghasilan poster dan juga sepanjang berlangsungnya pementasan teater ‘Metamorfosis’.

Namun, semasa penghasilan skrip drama, saya mempunyai sedikit masalah untuk mencari idea-idea yang ingin diketengahkan yang perlu memenuhi tema pementasan pada kali ini iaitu ‘Malaysia Baharu’. Oleh itu, melalui beberapa pembacaan buku-buku tulisan Faisal Tehrani, Syed Hussien Alatas dan Farahani R yang kesemuanya beraliran sosiologi, saya akhirnya memperolehi idea untuk pementasan ini yang menyentuh soal mentaliti dan stigma. Semuanya berjalan lancar dan saya sempat bertemu Encik Halimi bagi meminta pandangan beliau mengenai idea tersebut.

Secara jujurnya, sepanjang melakukan kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas pementasan saya merasakan saya dapat berkomunikasi dengan semua ahli kumpulan dan masing-masing dapat memahami skop kerja masing-masing dalam pementasan yang dilakukan.

Selain itu, dalam ajk protokol saya diberi tugas untuk menyediakan teks bagi pengacara majlis. Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi bagi menghasilkan teks tersebut kerana banyak perubahan tentatif yang berlaku pada saat-saat akhir. Namun saya banyak dibantu oleh ketua ajk protokol bagi kumpulan 6 kerana banyak memberi tunjuk ajar dan panduan untuk menghasilkan teks tersebut. Walaupun saya hanya

sekadar membuat teks pengacara majlis, saya perlu sentiasa berkomunikasi dengan ketua ajk bagi memastikan teks tersebut sesuai dengan tentatif yang sentiasa berubah-ubah.

Akhir sekali, walaupun saya dan ahli kumpulan perlu menggalas dua kerja yang berat iaitu pementasan teater dan memegang skop kerja sebagai ajk protokol namun semuanya dapat berkomunikasi dan tiada pergaduhan yang berlaku antara kami.



**NAMA** : RAJA MOHAMMAD HAKIMI BIN RAJA  
KAMARULZAMAN  
**NO MATRIK** : 136491  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

**SUMBANGAN TERHADAP PROJEK PEMENTASAN TEATER**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi dengan izin dan kurnia-Nya saya dapat melaksanakan tugas terakhir PGT203 iaitu Projek pementasan teater Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan dengan jayanya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli kumpulan saya kerana turut memberi kerjasama dalam melaksanakan tugas ini dan tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelaras projek pementasan teater kami iaitu Dr Zuhair Bin Zainal dan turut dibantu oleh Dr Md. Baharuddin Bin Abdul Rahman kerana telah memberi bimbingan kepada kumpulan saya serta kumpulan lain bagi melaksanakan tugas ini.

Pementasan teater ini dijalankan pada 9/12/2018 bertempat di DKU USM. Sebelum program ini berlangsung pada tarikhnya, pelbagai urusan perlu dilaksanakan. Kumpulan saya iaitu kumpulan 6 telah diberi mandat sebagai ajk Protokol bagi program ini. Saya turut menyumbang dalam membantu menyediakan teks ucapan perasmian yang dibacakan oleh Encik Murshid Bin Md Hussain dan menjadi usher pentas sebelah kiri bagi memastikan perjalanan keluar dan masuk pelakon-pelakon lebih lancar serta mengikut masa yang ditetapkan. Selain dari tugas protokol saya juga mengambil bahagian menjadi pelakon teater bagi kumpulan saya yang membawa tajuk METAMORFOSIS arahan Nur Ateeqa Amera. Saya diberi tanggungjawab untuk melakonkan watak seorang ustaz iaitu Ustaz Rizqi dimana watak ini memberi pandangan sempit berdasarkan ilmu yang diperolehinya namun di akhirnya dia sedar bahawa dia sepatutnya membantu masyarakat begini dan bukan memandang rendah terhadap golongan gelandangan, watak Maya.

## **KEKURANGAN DAN KELEBIHAN DIRI**

Kekurangan dalam diri saya dalam menjayakan program ini adalah dari aspek menjiwai watak dan menghafal skrip lakonan. Selain itu, saya juga berasa malu untuk berhadapan dan membuat persembahan dihadapan orang ramai. Hal ini demikian kerana saya tidak pernah mengikuti dan menyertai persembahan teater sebelum ini. Namun, bagi tugas pementasan teater ini saya mencuba untuk membawa watak tersebut. Ketika latihan dilakukan, terdapat beberapa skrip yang saya lupa. Saya perlu menghafal lirik berkenaan kerana mesej yang diharapkan oleh pengarah kami dapat disampaikan sebaiknya semasa persembahan teater nanti.

Bagi saya antara kelebihan saya adalah mudah mesra dengan individu lain. Hal ini demikian kerana untuk melakonkan watak bersama watak lain. Kita perlukan persefahaman dan kemesraan dengan individu lain supaya sesi latihan dan pementasan teater tidak menimbulkan keadaan yang tegang dan huru-hara sekiranya tidak ada persefahaman. Selain itu, saya juga boleh menerima pandangan dan teguran orang lain dalam melakonkan watak yang dibawa supaya watak tersebut dapat dilakonan dengan baik dan tidak kayu atau kaku. Ahli kumpulan saya dan pengarah kami banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh latihan dan pementasan teater. Disamping itu, saya juga membantu pandangan saya berkaitan pembawaan watak lain yang dibawa oleh kawan-kawan dalam kumpulan saya.

## **CARA MENGATASI KEKURANGAN DIRI**

Bagi saya, saya perlu lebih yakin untuk berhadapan dengan orang ramai supaya persembahan atau ucapan yang saya ingin sampaikan lebih lancar dan tercapai objektif drama METAMORFOSIS dari kumpulan saya. Saya juga melihat dan membaca lakonan-lakonan dan tips-tips berkaitan drama bagi membantu saya untuk menjiwai watak dan menghafal skrip.

## **REFLEKSI KESELURUHAN**

Pelbagai pengalaman dan pendedahan yang saya dapat selama terlibat dalam pelaksanaan projek pementasan drama ini yang bertemakan “MALAYSIA BAHARU” yang banyak membantu saya dalam berkomunikasi bersama masyarakat, rakan pelajar dan pihak-pihak lain. Selain itu, tajuk teater kami iaitu METAMORFOSIS turut membantu saya mengubah pelbagai stigma sempit yang saya pegang selama ini. Selain itu, banyak pengajaran dan pengetahuan yang saya dapat

dari persembahan yang dilakukan oleh kumpulan lain. Di samping itu, saya juga dapat belajar dengan baik sebagai ajk Protokol yang semamangnya satu tugas yang berat bagi memastikan kelancaran Projek Pementasan teater yang berlangsung pada 9/12/2018. Alhamdulillah projek ini berjaya dilaksanakan dengan jayakan walaupun terdapat beberapa masalah seperti perubahan tempat untuk melakukan raptai penuh persembahan teater pada 8/12/2018. Pertukaran tempat pada saat akhir menyebabkan kumpulan yang ingin membuat persembahan tidak dapat menganggarkan susunan dan penggunaan prop yang sesuai dengan pentas di DKU. Namun begitu, segala masalah yang wujud berjaya diselesaikan dalam waktu yang singkat oleh MT Projek dengan bantuan pensyarah dan kecekapan pengurusan ajk Protokol yang merangkap “backup plan” di saat akhir. Terima kasih juga kepada semua pelajar PGT203 dari setiap kumpulan serta ajk-ajk lain yang memberi kerjasama dalam memastikan pementasan teater PGT203 semester ini berjalan lancar seperti yang diharapkan oleh pensyarah penyalaras kami iaitu Dr Zuhair Bin Zainal dan Dr. Md. Baharuddin Bin Abdul Rahman.

**NAMA** : RAJA NUR FAZLIN BINTI RAJA IBRAHIM  
**NO MATRIK** : 136492  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

Drama Masdaya yang ditunggu-tunggu oleh pelajar bagi kursus PGT 203 telah melabuhkan tirai. Syukur ke hadrat ilahi kerana saya dikurniakan ruang dan peluang untuk sama-sama menjayakan projek Drama Masdaya ini bersama ahli kumpulan yang lain. Secara keseluruhannya, saya selaku peserta dalam projek berasa berpuas hati dengan persiapan dan pengendalian projek ini. Hal ini demikian kerana, projek kali ini telah berlaku penambahbaikan dalam pembahagian tugas dan ahli jawatan kuasa serta gerak kerja yang dilakukan dengan lebih awal menyebabkan persiapan bagi Drama Masdaya ini berjalan dengan lancar. Bagi saya, komunikasi yang wujud antara satu sama lain dalam projek kali ini lebih baik berbanding projek yang lepas. Hal ini menunjukkan kami telah melakukan penambahbaikan berkaitan dengan komunikasi yang perlu ada dalam diri masing-masing bagi mengendalikan sesebuah projek yang melibatkan orang luar seperti ini. Saya yakin dalam diri saya mula muncul satu kesedaran untuk berkomunikasi dengan baik dan mengetahui cara-cara untuk mengendalikan sesebuah projek setelah saya mengikuti kursus ini dibawah penyelarasan Dr.Zuhair dan Dr. Baharuddin.

Setiap projek atau program yang dilaksanakan pasti wujud kekangan dan cabaran yang ditempuhi. Begitu juga dengan diri saya yang tiada pengalaman berkaitan pementasan teater sedikit sebanyak telah memberi cabaran kepada saya walaupun hanya watak sampingan. Bagi saya, pementasan teater yang diadakan ini telah membuktikan bahawa saya juga boleh berkeyakinan tinggi seperti orang lain dalam menghayati watak yang diamanahkan sekaligus telah mencungkil bakat terpendam bakal guru. Alhamdulillah berkat kerjasama ahli kumpulan saya iaitu kumpulan 6 yang mempersembahkan pementasan teater yang bertajuk “Metamorfosis” kumpulan kami telah dinobatkan sebagai persembahan terbaik keseluruhan bagi Drama Masdaya kali ini. Walaupun dalam masa yang sama, saya dan ahli kumpulan yang lain telah ditugaskan sebagai ahli jawatankuasa protokol bagi projek kali ini, namun kami

berjaya menguruskan dan mengendalikannya dengan baik. Bagi saya, tugas yang diamanahkan ini telah berjaya membuka mata dan minda saya untuk menerima pengalaman baru yang mana saya akan mengaplikasikannya dalam dunia pendidikan kelak berkaitan bahagian protokol dalam sesuatu majlis. Sebagai ahli jawatan kuasa protokol juga dan saya ditugaskan sebagai usher bagi penyambut tetamu vip, saya dapat mengetahui berkaitan kedudukan tetamu khas atau vip dalam majlis tersebut dan bagi saya ianya sesuatu yang baru yang perlu dipelajari.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli kumpulan saya yang sama-sama berganding bahu dan memberi komitmen yang sepenuhnya tanpa jemu walaupun mempunyai komitmen yang lain. Hal ini membuktikan bahawa ahli kumpulan saya berjaya mengaplikasikan komunikasi dengan baik sepanjang kerja berkumpulan yang kami lalui bersama ini. Tak lupa juga jutaan terima kasih kepada penyelaras kursus ini iaitu Dr. Zuhair dan Dr. Baharuddin yang banyak membantu dan memberi tunjuk ajar dalam mengendalikan projek kali ini. Saya berharap ilmu dan pengalaman baru yang saya peroleh ini tidak akan saya sia siakan kelak kerana bagi saya ianya satu komponen yang penting yang perlu wujud dalam diri seseorang dan menjadi nilai tambah agar kita lebih ke hadapan berbanding orang lain yang tidak merasai dan mengalaminya sendiri.

**NAMA** : ROSNORI WAYENG  
**NO MATRIK** : 127326  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**SELF REFLECTION TOWARD THE THEATER TITLE  
“METAMORFOSIS”**

For the Individual reflection I feel relieved that I am finished and done with this project as I am in charge of playing audio while perform. Yes, it has been fun working as a group and sharing ideas back and forth, I can see that the strange of my group is the idea, creative and the power of all actor where they can convey message to the audient means while the weakness I would say me in term of communication so, that make my group have to practice more and more.

The theme of this theater is Malaysia baru where all the drama been performing is to show what is the literal meaning of being Malaysia baru in this era, so, from all the show I can see a picture of what a Malaysia culture back then to now. Me as only international committee here I would say I feel thankful for having such a diverse group and learning to work together so quickly. I am thankful that the group listened and there is no a separation in sides because of conflict in term of language use, that are Malay and English in communication among group member. Through all thick and tin situation we face while preparing the stage, performing the drama I would say our group performance were able to run smoothly through the creative process where we help each other from start to the end and I would say thank you to my group member that they are understand my situation and try to figure out so, for this amazing group made it enjoyable to work.

**NAMA** : SANDY WONG BIK WEN  
**NO MATRIK** : 136495  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

Teater Memasyarakatkan Kebudayaan Kebangsaan telah berjaya dilancarkan pada 9 Nov 2018 di Dewan Kuliah U, Universiti Sains Malaysia. Dengan atas kerjasama dan keusahaan ahli-ahli kumpulan kami, kumpulan kami telah berjaya mempersembahkan drama yang berjudul ‘Metamorfosis’ pada hari itu.

Saya telah mendapat banyak pengalaman dan pengajaran serta mengetahui kelemahan diri dalam proses menyediakan persembahan teater ini. Saya berasa amat bertuah kerana dilantik sebagai salah satu watak dalam drama ‘Metamorfosis’. Dalam proses penyediaan persembahan teater ini, keyakinan saya untuk menghadapi audien yang banyak telah meningkat dan kefasihan penuturan Bahasa Melayu juga lebih lancar berbanding dengan pada waktu lepas. Selain itu, hubungan saya dengan ahli-ahli kumpulan lebih rapat sekali. Contohnya, Syukri, Ibnu dan Franklin rela menunjukkan lakonan mereka dan menyampaikan pandangan mereka kepada saya supaya saya dapat menyesuaikan diri dalam watak secara selesa. Di samping itu, ahli-ahli kumpulan lain rela mengorbankan masa untuk membantu saya mencari kostum yang sesuai tanpa rungutan.

Namun demikian, saya juga mendapati kelemahan saya apabila menyediakan teater memasyarakatkan kebudayaan kebangsaan ini. Kelemahan saya ialah saya tidak dapat bertutur Bahasa Melayu dengan fonetik yang tepat dan saya asyik menghafal skript dengan menggunakan Bahasa Cina. Contohnya, saya asyik mengelirukan ‘hidup senang’ sebagai ‘senang hidup’. Selain daripada itu, saya tidak dapat sebut perkataan ‘r’ dengan geluncuran. Hal ini telah menyedarkan saya lagi terhadap kepentingan menguasai kemahiran penuturan Bahasa Melayu.

Saya amat menghargai pengalaman yang ditimpa dan pengajaran yang dipelajari daripada ahli-ahli kumpulan seperti kerjasama, toleransi dan sebagainya semasa penyediaan teater ini. Ia akan jadi salah satu ilmu yang penting kepada saya pada masa kelak terutamanya untuk pembelajaran saya.

**NAMA** : SASLEEN BINTI SHAHUL HAMEED  
**NO MATRIK** : 144425  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya Drama MASDAYA telah berjaya dijalankan pada 9 Disember, salah satu projek bagi kursus PGT203 dalam jurusan Ijazah Sains Dengan Pendidikan. Terutama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan sekumpulan kerana memberi komitmen dan kerjasama antara satu sama lain dalam melaksanakan tugas ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelarass projek teater iaitu Dr. Zuhair dan Dr. Baharuddin. Kumpulan saya iaitu Kumpulan 6 telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab sebagai Ahli Jawatankuasa (ajk) protokol. Kami telah membahagikan tugas antara ahli kumpulan kami. Sebelum program teater, saya diberi tugas untuk menyediakan beberapa borang seperti borang penilaian teaser, persembahan dan poster, borang senarai pemenang dan borang penilaian keseluruhan.

Saya juga perlu mengutip fail penjurian yang mengandungi skrip dan poster sebanyak tiga salinan daripada setiap kumpulan. Saya turut mengklasifikasikan setiap borang penilaian ke dalam fail penjurian semua kumpulan bagi memudahkan para juri pada hari kejadian kelak. Saya juga merekodkan peratusan undian di laman sosial bagi setiap kumpulan untuk memilih kumpulan yang terbaik bagi kategori ‘poster terbaik’ dan ‘teaser terbaik’. Semasa program teater, tugas saya adalah mengedarkan fail penjurian kepada juri setiap kali sebelum persembahan bermula serta mengutip kembali selepas tamat persembahan oleh kumpulan tersebut.

**KEKURANGAN DAN KELEBIHAN DIRI**

Projek teater ini telah memberi kesedaran terhadap saya untuk memperbaiki beberapa kelemahan dalam diri saya. Pertama sekali, saya tidak melontarkan idea yang baru setiap kali perbincangan untuk skrip serta tugas bahagian protokol. Saya lebih memilih untuk menyokong dan menurut arahan yang diberi tanpa menyumbangkan idea.



Antara kelebihan yang saya peroleh ialah, saya dapat bekerjasama dengan semua ahli kumpulan yang lebih berpengetahuan, walaupun mereka terdiri daripada pelajar-pelajar senior manakala saya seorang sahaja merupakan pelajar tahun pertama. Saya perlu sentiasa mendapatkan tunjuk ajar daripada ahli kumpulan yang berkenaan untuk membuat tugas yang diberi, saya dapat komunikasi dengan baik dalam melaksanakan tugas saya. Selain itu, saya dapat belajar membahagikan masa dengan lebih teratur antara tugas pelajaran yang semakin berat pada hujung sem dan latihan teater yang perlu kami berlatih dalam masa yang singkat.

### **CARA MENGATASI KEKURANGAN DIRI**

Pada pendapat saya, saya mestilah yakin dengan diri sendiri untuk memberi idea saya kepada rakan-rakan sekumpulan. Di samping itu, saya haruslah memikirkan idea yang bernas yang dapat membantu dalam melancarkan program teater.

### **REFLEKSI KESELURUHAN**

Bagi saya, program pementasan teater ini, telah memberi pengalaman yang signifikan yang patut saya dapat sebagai seorang bakal pendidik. Program ini telah memberi pendedahan kepada saya agar bersifat mudah mesra dengan rakan pelajar walaupun baru berkenalan. Kami menghadapi kesukaran untuk menyusun tentatif apabila program terpaksa dihabiskan lebih awal daripada yang dirancang kerana beberapa hal yang tidak dapat dielakkan. Rehearsal yang sepatutnya berlangsung pada 8 Disember 2018 juga terpaksa diawalkan sehari disebabkan oleh kekangan tempat. Secara intinya, program ini dapat dijalankan dengan lancar walaupun kami telah menghadapi beberapa cabaran dalam melaksanakan program ini.

**NAMA** : SITI ROHAYU BINTI KAMALUDIN  
**NO MATRIK** : 136499  
**KOD KURSUS** : PGT203 KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN  
INTERPERSONAL GURU  
**KUMPULAN** : KUMPULAN 6

**REFLEKSI PEMENTASAN TEATER YANG BERTEMAKAN MALAYSIA**  
**BAHARU**

Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan kepada penyelaras kursus PGT203 iaitu Dr Muhammad Zuhair Bin Zainal dan Dr Md. Baharuddin Bin Hj Abdul Rahman. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program Masdaya : Persembahan Teater. Program ini telah berlangsung pada 9 Disember 2018 bertempat di Dewan Kuliah U.

Sebelum program pementasan teater dijalankan, saya telah menawarkan diri secara sukarela untuk menjadi timbalan pengarah projek ini. Saya ingin mencabar diri untuk merasai peluang baru dan menimba pengalaman sebagai orang yang berjawatan tinggi. Saya juga dapat berkenalan dengan lebih rapat bersama barisan-barisan jawatan tertinggi kerana kami berlainan kumpulan.

Semasa program tersebut dijalankan, saya dan rakan-rakan banyak bertukar-tukar idea untuk mencari makna sebenar 'Malaysia Baru' bagi tema teater kali ini. Selain itu, selaku timbalan pengarah projek, saya juga membantu rakan-rakan Majlis Tertinggi Teater dengan melakukan perbincangan seberapa kerap yang mungkin agar program ini dapat berjalan dengan lancar.

Kumpulan kami telah dipilih sebagai jawatan kuasa protocol semasa persembahan teater dijalankan. Hal ini sedikit sebanyak memberi tekanan kepada kumpulan kami untuk membahagikan masa antara latihan teater dengan persiapan program tersebut. Namun begitu, kumpulan kami dapat menyelesaikan konflik tersebut dengan baik kerana semua ahli kumpulan kami mempunyai semangat kerjasama yang tinggi.

Saya juga ingin memberikan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli kumpulan kerana kami dapat menjayakan program teater dengan baik selaku jawatankuasa protokol.

Disamping itu, saya sangat beruntung mempunyai ahli kumpulan yang selalu memberikan komitmen ketika latihan dijalankan. Walaupun kami mempunyai banyak kerja kursus, namun semangat kerjasama sebagai satu pasukan, kami sanggup bersengkang mata untuk membuat latihan sehabis baik semasa teater dilakukan pada hari tersebut. Sebagai ganjaran atas usaha penat lelah kumpulan kami, kami telah memenangi empat buah hadiah iaitu penulis skrip terbaik, pengarah terbaik, kostum terbaik dan yang paling menggembirakan kumpulan kami ialah persembahan keseluruhan terbaik.

Hal ini merupakan sejarah yang paling indah, yang tidak akan saya lupakan. Saya berharap program teater pada masa akan datang lebih baik daripada persembahan teater kali ini. Malah, mempunyai pelbagai variasi baharu bagi mencerikan persembahan teater dalam kalangan bakal pendidik di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan.

## 10.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kami dapati bahawa projek pementasan teater ini. ini telah berjaya membuka mata dan minda kami sekaligus telah memberi pengalaman baru khususnya melalui pembahagian jawatan kuasa untuk mengendalikan projek ini. Walaupun terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang kami lalui, namun hasil kerjasama semua ahli kumpulan, kami dapat melaksanakan segala tugas yang diamanahkan sebagai ahli jawatankuasa protokol dengan jayanya. Selain mengendalikan tugas berkaitan protokol yakni sebelum dan semasa majlis berlangsung, kami juga mencari ruang dan peluang untuk melakukan latihan dan persediaan untuk teater bagi kumpulan kami yang bertajuk “Metamorfosis” walaupun dalam masa yang sama perjumpaan ahli kumpulan kami lebih tertumpu kepada taklimat dan perbincangan berkaitan bahagian protokol majlis tersebut. Latihan dan persediaan ini dilakukan dalam waktu yang singkat iaitu pada waktu tutorial dan waktu malam ekoran beberapa kekangan dalam kumpulan kami. Namun, berkat kesungguhan dan komitmen yang diberikan, persembahan teater kumpulan kami telah dinobatkan sebagai persembahan terbaik keseluruhan, penulis skrip terbaik, pengarah terbaik dan kostum terbaik. Pencapaian ahli kumpulan kami ini telah membuktikan bahawa kursus PGT 203 dibawah penyelarasan Dr. Zuhair dan Dr. Baharuddin telah berjaya mengasah bakat terpendam yang dimiliki oleh bakal pendidik. Kami berharap melalui pengalaman dan ilmu yang diperoleh ini dapat diaplikasikan dalam dunia pendidikan serta dapat pendedahan dalam hidup bermasyarakat.